

Berita Utama



SEMBAHYANG Sunat Hajat bagi pelajar PIP YSHHB

Muka 12



HOMEgrown menawarkan hasil tanaman semula jadi berkualiti tinggi

Muka 13



TATACARA penyempurnaan jenazah berlandaskan syariat Islam

Muka 19



RENCANA

KE arah Perkhidmatan Awam yang efisien, telus dan inovatif

Muka 20

LAWATAN KE BFB HARGAI JALINAN ERAT DUA HALA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan mengadakan lawatan ke British Forces Brunei, Mumong. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 3 dan 4).

Doa Kesyukuran sempena Penubuhan Perbadanan TAIB

■ Oleh : Aimi Sani

SUBOK, Ahad, 28 September. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan TAIB Filling Station Sdn. Bhd. telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat bersempena Ulang Tahun Penubuhan Ke-34 Tahun bertempat di Masjid Kampung Belimbing Subok, hari ini.

Hadir selaku tetamu khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

>> Muka 7

Peka terhadap kesihatan jantung, amalkan gaya hidup sihat

■ Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 September. - Penyakit kardiovaskular termasuk penyakit jantung dan strok kekal sebagai punca utama kematian di seluruh dunia. Menurut Persekutuan Jantung Sedunia (World Heart Federation), lebih daripada 20 juta kematian setiap tahun adalah akibat

penyakit kardiovaskular seperti serangan jantung, strok dan kegagalan jantung.

Sebahagian besar daripada kematian tersebut adalah disebabkan oleh kematian pramatang (kematian sebelum umur 70 tahun).

>> Muka 10

“ALLAHUMMA ya Allah, ya Tuhan kami mohon, supaya dilanjutkan usia raja kami. Mohon supaya baginda itu terus memimpin kami dengan kepimpinan baginda yang bijaksana. Mohon ya Allah, supaya dikurniakan kepada baginda kesihatan yang sempurna serta kekuatan yang berpanjangan untuk membawa kami dan negara ke mercu kegemilangan. Ya Allah ya Tuhan kami, mohon, mohon supaya diterima do’a kami ini, aamiin, aamiin, aamiin ya Rabbal ‘alamin”.

- Doa Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned bagi mengakhiri Ceramah Khas bertajuk ‘Negara Brunei Darussalam Ditandai Dengan Sedekah’ pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun pada Khamis, 25 September 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sedekah lahirkan masyarakat prihatin, hakis sifat mementingkan diri sendiri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyara'il Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul dalam perhimpunan Majlis Ilmu pada pagi ini.

Beta gembira melihat Majlis Ilmu terus menjadi tradisi sebagai salah satu acara yang diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan beta. Tidak syak lagi Majlis Ilmu adalah perhimpunan yang membawa rahmat dan berkat kepada kita dan negara kerana ilmu sendiri adalah cahaya. Majlis Ilmu bukan sekadar tuntutan intelektual, malah merupakan satu bentuk ibadat yang boleh mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tema Majlis Ilmu pada tahun ini ialah 'Negara Ditanai Dengan Sedekah'. Tema ini membawa maksud yang mendalam, bahawa sedekah bukan sekadar amalan individu, bahkan ia juga merupakan asas pembinaan sebuah negara. Jika tanah disuburkan dengan tanam-tanaman dan hasilnya adalah buah-buahan dan sayur-sayuran, maka negara pula jika ditanai dengan sedekah, hasilnya adalah keberkatan, keamanan dan kesejahteraan.

Dalam konteks kehidupan bernegara,

tidak diragukan, sedekah adalah mampu untuk melahirkan masyarakat prihatin dan menghakis sifat mementingkan diri sendiri.

Orang-orang yang bersedekah adalah mereka yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah. Ganjarannya amat besar di sisi Allah sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang tafsirnya : "Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah ialah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi 100 biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menegaskan bahawa sedekah menyuburkan harta, bukan mengurangkan harta.

Sedekah bukan saja dapat membantu golongan yang memerlukan tetapi juga berfungsi sebagai penolak bala dan ubat penyembuh penyakit, sebagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : "Ubatilah pesakit kamu dengan sedekah".

Pengertian sedekah sangat luas, ia bukan hanya terbatas kepada bentuk harta atau wang ringgit tetapi juga meliputi semua bentuk sumbangan yang ikhlas kerana Allah termasuk tenaga, ilmu, masa dan juga doa. Malah, menyingkirkan suatu rintangan dari jalan juga adalah sedekah dan bahkan memberikan senyuman kepada orang lain pun dianggap sedekah, sebagaimana disebut dalam hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sedekah terbahagi kepada dua, sedekah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun pada Khamis, 3 Rabiulakhir 1447 Hijrah / 25 September 2025 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Antarabangsa Berakas.

sunat dan sedekah wajib. Sedekah wajib ialah zakat. Beta pernah menitahkan supaya pengurusan zakat, termasuk cara pengutipan dan pengagihannya, hendaklah diurus dengan sebaik-baiknya. Beta menaruh harapan yang tinggi agar pihak berkepentingan dalam pengurusan zakat

dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh amanah, telus dan adil lagi efisien, supaya tidak menimbulkan keresahan masyarakat khususnya kepada mereka yang berhak menerima zakat.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	HARI	RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	ISNIN	7	4.41	4.51	6.08	6.30	12.12	3.22	6.13	7.22
30	SELASA	8	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22
1	RABU	9	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
2	KHAMIS	10	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
3	JUMAAT	11	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20
4	SABTU	12	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.11	7.20
5	AHAD	13	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.10	7.19

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
ISNIN			SELASA			RABU				
Bandar Seri Begawan										
33	26	°C	31	25	°C	30	24	°C		
Pekan, Bangat										
33	26	°C	30	25	°C	30	24	°C		
Pekan Tutong										
32	26	°C	31	25	°C	30	24	°C		
Kuala Belait										
32	26	°C	31	25	°C	30	24	°C		

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 29 SEPTEMBER 2025

Raih ganjaran pahala dengan bersedekah

AMALAN bersedekah adalah salah satu perbuatan yang sangat dianjurkan dalam Islam dan dianggap sebagai bentuk ibadah yang mendatangkan pahala besar. Bersedekah bukan hanya memberi harta, tetapi juga merangkumi segala bentuk pemberian yang membawa manfaat kepada orang lain.

Walaupun kepentingan sedekah sering ditekankan, masih ramai umat Islam yang kurang mengamalkannya secara konsisten. Kurangnya kesedaran, kefahaman agama, dan kepercayaan terhadap ganjaran sedekah menjadi antara penghalang utama.

Dalam Islam ditekankan bahawa bersedekah adalah ibadah yang sangat besar ganjarannya. Dalam Islam, pahala sedekah bukan sahaja dibalas tetapi digandakan. Malahan, orang yang bersedekah tidak akan miskin. Malah, Allah akan ganti rezekinya dengan lebih baik, sama ada dalam bentuk harta, kesihatan, ketenangan atau keselamatan.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 baru-baru ini menekankan akan kepentingan bersedekah yang mana baginda bertitah, sedekah bukan sahaja dapat membantu golongan yang memerlukan, tetapi juga berfungsi sebagai penolak bala dan ubat penyembuh penyakit, sebagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : "Ubatilah pesakit kamu dengan sedekah".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, pengertian sedekah sangat luas, ia bukan hanya terbatas kepada bentuk harta atau wang ringgit, tetapi juga meliputi semua bentuk sumbangan yang ikhlas kerana Allah termasuk tenaga, ilmu, masa dan juga doa.

Malah, menyingkirkan suatu rintangan dari jalan juga adalah sedekah dan bahkan memberikan senyuman kepada orang lain pun dianggap sedekah, sebagaimana disebut dalam hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh itu, amalan bersedekah ini membawa manfaat besar kepada individu dan seluruh masyarakat. Ia adalah ibadah mudah yang mampu dilakukan oleh sesiapa sahaja, bukan hanya dengan wang, tetapi juga dengan tenaga, masa dan doa.

Marilah kita tingkatkan amalan kita dan raih ganjaran pahala yang berlipat ganda dengan rajin bersedekah kepada mereka yang memerlukan.

- Ketua Penyuntingan (Kr)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

LAWATAN KE BFB HARGAI JALINAN ERAT DUA HALA



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

MUMONG, Sabtu, 27 September.
- Hubungan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan United Kingdom (UK) yang sudah lama

terjalin semakin kukuh dan erat dengan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi lawatan baginda ke British Forces Brunei (BFB), Mumong, hari ini.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengadakan lawatan ke British Forces Brunei (BFB), Mumong. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas, kiri dan bawah kiri). Manakala gambar bawah, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah

paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan persembahan daripada pelajar-pelajar Sekolah Hornbill, tarian tradisi dan kebudayaan Nepal, 2RGR Kukri Display dan seterusnya dari 2RGR Pipes dan Drums Set (atas, kiri sekali dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah taklimat.

>> Muka 3

Sejurus ketibaan mendarat di ruang khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda kemudiannya disebarkan kalungan 'Maala' dan kemudiannya keberangkatan baginda di Mes Pegawai BFB Garison dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan serta wakil-wakil daripada pihak UK.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menandatangani Lembaran Kenangan, diikuti disebarkan taklimat mengenai kegiatan Batalion Kedua, Royal Gurkha Rifles (2RGR), BFB.

Menerusi lawatan baginda kali ini, majlis dimeriahkan dengan Kebawah DYMM berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan daripada seramai 85 anggota yang diketuai oleh Pegawai Memerintah 'C' Company 2RGR, Mejar Ed Hicks.

Selain itu, majlis juga diserikan dengan persembahan daripada pelajar-pelajar Sekolah Hornbill, tarian tradisi dan kebudayaan Nepal, 2RGR Kukri Display dan seterusnya dari 2RGR Pipes dan Drums Set.

Sebelum mengakhiri lawatan tersebut, Kebawah DYMM juga berkesempatan untuk beramah mesra bersama ahli-ahli keluarga anggota BFB dan kemudiannya dijunjung bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Lawatan Kebawah DYMM ini juga bagi meraikan ikatan persahabatan dua pihak sekali gus

mencerminkan kedua-dua pihak menikmati hubungan mesra di samping mewujudkan kerjasama dua hala dalam kestabilan serantau dan adanya ramah mesra tersebut setentunya satu kesempatan dan peluang yang sangat berharga untuk dijadikan ristaan kenang-kenangan bagi mereka.



KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra bersama ahli-ahli keluarga anggota BFB dan kemudiannya dijunjung bagi Majlis Santap Tengah Hari (atas, bawah dan bawah kanan). Manakala gambar kanan, baginda berkenan menyaksikan pameran.



BERKENAN BERANGKAT KE FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2025



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Forum Perdana Majlis Ilmu 2025. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Sabtu, 27 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mendengar sembah penerangan (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, ahli-ahli panel forum berkenaan dan gambar bawah kanan, antara yang hadir pada acara tersebut.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said**

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar yang juga Penasihat Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025 iaitu Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Haji Awang Othman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Acara Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2025.

Forum Perdana tersebut mengupas sedikit demi sedikit mengenai tajuk tema Majlis Ilmu 2025 iaitu 'Negara Ditandai Dengan Sedekah' yang menyentuh mengenai amalan sedekah atau kebajikan di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari segi bantuan rakyat, kemudahan pendidikan, kesihatan dan kemasyarakatan serta bagaimana sedekah dapat mengukuhkan perpaduan masyarakat di negara ini.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; dan Penolong Rektor (Penyelidikan dan Antarabangsa), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili serta Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Muhammad Khairul Azhar bin Idris selaku moderator.

Pada forum tersebut, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan antaranya menjelaskan bahawa sedekah itu merujuk kepada apa yang diberikan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan bukan semata-mata sebagai penghormatan.

>> Muka 6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mendengar sembah penerangan (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, ahli-ahli panel forum berkenaan dan gambar bawah kanan, antara yang hadir pada acara tersebut.



YANG Berhormat Ketua Hakim Syarie memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 (atas), manakala gambar bawah kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.

>> Muka 5

Secara umum jelasnya, sedekah itu ada yang fardu dan sunat di mana jika fardu, ia dikenali sebagai zakat, manakala jika sunat pula, ia merangkumi hibah, wakaf, perkara-perkara kebaikan dan apa jua bentuk perbuatan baik / makruf yang diiktiraf oleh agama.

“Melihat kepada besarnya kelebihan dan faedah bersedekah itu, sebagaimana disebut dalam Al-Quran dan Al-Hadis, antaranya jalan menuju ke syurga; penyebab harta diberkati, bertambah dan melindungi orang yang bersedekah dari ditimpa bala dan musibah; menyebar kasih sayang dalam masyarakat; memperkuat hubungan sosial antara anggota masyarakat;

menyenangkan hati orang miskin dan orang yang memerlukan serta mencukupkan keperluan mereka yang kekurangan; maka tidak hairanlah jika kita dengar dan baca, tentang para sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa berlumba-lumba untuk bersedekah,” ujarnya.

Seterusnya, Awang Haji Shamsol menetengahkan amalan sedekah ini perlu dilaksanakan dengan berpanduan kepada Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar sedekah atau infak yang kita laksanakan tersebut diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Beliau mengongsikan dua panduan utama dalam melaksanakan amalan bersedekah sepertimana yang

disebutkan dalam Al-Quran dan Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu pertama, sedekah yang diberikan itu hendaklah daripada harta yang terbaik atau yang baik-baik sama ada harta yang kita miliki atau yang kita peroleh.

Manakala tambahnya, panduan kedua ialah sedekah itu adalah amalan yang sangat dituntut untuk dilaksanakan dalam apa cara sekalipun mengikut kesesuaian dan kemampuan kita.

Manakala panel forum, Dr. Awang Haji Hambali pula mengongsikan bahawa ramai melihat sedekah hanya sebagai amalan individu untuk membersihkan harta, tetapi sebenarnya, sedekah adalah instrumen pembangunan negara – memberi kesan kepada ekonomi, pendidikan dan

kesejahteraan sosial. Beliau seterusnya menyatakan, sedekah bukan hanya soal pahala individu, ia strategi pembangunan negara. Dari segi ekonomi tambahnya, sedekah mengedarkan kekayaan dan melahirkan ekonomi inklusif; dari segi pendidikan, ia



Amalan sedekah menguatkan perpaduan, keberkatan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Sabtu, 27 September. - Tema Majlis Ilmu 2025 iaitu ‘Negara Ditanai Dengan Sedekah’ ini sangat bermakna. Ia bukan sekadar kata-kata indah, tetapi mengandungi makna yang sangat dalam tentang bagaimana amalan bersedekah mampu menumbuhkan kebaikan, menguatkan perpaduan dan membawa keberkatan kepada sebuah negara.

‘Negara Ditanai Dengan

Sedekah’ mengingatkan kita bahawa tanggungjawab ini bukan hanya di bahu kerajaan, tetapi juga di bahu setiap individu.

Seterusnya, sembah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan bahawa pemimpin bersedekah dengan adil dalam kepimpinan; golongan berkemampuan bersedekah dengan harta; golongan muda

bersedekah dengan tenaga dan masa serta golongan berilmu bersedekah dengan ilmu dan hikmah.

“Apabila setiap orang memainkan peranan, maka negara ini akan menjadi ladang pahala dan rahmat yang sentiasa hidup. Jika sebuah negara ditanai dengan sedekah, maka insyaaAllah, negara itu akan sentiasa dilimpahi dengan keberkatan, kemakmuran dan kesejahteraan sepertimana titah paduka ayahanda Duli Tuanku, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 di mana baginda bertitah bahawa dalam konteks kehidupan bernegara, tidak diragukan, sedekah adalah mampu untuk melahirkan masyarakat prihatin dan menghakis sifat mementingkan diri sendiri.

“Baginda juga mengingatkan

bagi orang-orang yang bersedekah iaitu mereka yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah adalah amat besar ganjarannya di sisi Allah,” sembah Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada Majlis Forum Perdana Majlis Ilmu 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Maka sembah Yang Berhormat lagi, marilah kita semua menanamkan amalan rajin bersedekah untuk meraih ganjaran daripada yang Maha Esa. Forum Perdana pada hari ini telah menjemput tiga ahli panel untuk membahaskan dan mengupas tajuk forum dengan lebih mendalam dan terperinci.

Apa yang diharapkan daripada forum ini semoga segala perkongsian ilmu ini akan mendapat petunjuk dan reda daripada Allah Subhanahu Wata’ala jua.

Pada akhir sembah, Yang Berhormat menzahirkan sukacita menyembahkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka



YANG Berhormat Menteri Pembangunan ketika menyampaikan sembah alu-aluannya.

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan didoakan semoga Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta kerabat sentiasa dalam keadaan sihat dan bahagia dengan amal ibadat dan amal khairat yang berkat.



SUASANA Majlis Forum Perdana Majlis Ilmu 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

DOA KESYUKURAN SEMPENA PENUBUHAN PERBADANAN TAIB

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu khas pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat (kiri dan atas).

>> Muka 1

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan sebagai Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB; Penolong Mufti (Ifta), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji

Lamat, Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.

Juga hadir, Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram, Ahli-ahli Lembaga Pengarah; Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah; pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Belimbing Subok,

Pengiran Mohammad Akbar@ Pengiran Mohammad Idrus bin Pengiran Haji Mohd. Sabri.

Kemudian selepas itu, bacaan Doa Kesyukuran pula dipimpin oleh Pegawai Eksekutif, Jabatan Syariah Perbadanan TAIB, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Hassan. Majlis diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah serta Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Belimbing Subok.

Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan TAIB disambut setiap tahun bersempena memperingati pelancaran rasmi organisasi pada 29 September 1991 yang telah disempurnakan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada masa penubuhannya, Perbadanan TAIB merupakan peneraju di Negara Brunei Darussalam sebagai institusi kewangan pertama yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan selaras dengan prinsip-prinsip Islam.

Raptai penuh pastikan kelancaran Majlis Kemuncak Sambutan HPA Ke-32

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir menyaksikan raptai tersebut.



BERAKAS, Ahad, 28 September. - Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 akan berlangsung pada Isnin, 29 September 2025 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Sehubungan itu, raptai penuh bagi majlis tersebut telah diadakan pagi tadi bagi memastikan kelancaran majlis berkenaan.

Hadir menyaksikan raptai tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32, Tahun 2025.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Timbalan

Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32, Tahun 2025.

Hadir sama ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian yang berkaitan, serta ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang terlibat dalam penganjuran

sambutan ini.

Tema sambutan tahun ini ialah 'Keberdayatahan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Rakyat', yang telah diguna pakai sejak tahun 2023.

Antara pengisian yang bakal menyerikan Sambutan HPA Kali Ke-32 ialah Pameran Khas Perkhidmatan Awam, Persidangan Khas Perkhidmatan Awam serta penyampaian beberapa anugerah penghargaan kepada warga Perkhidmatan Awam yang cemerlang.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Beta juga ingin menekankan mengenai kepentingan pengurusan wakaf, yang merupakan satu amalan berpanjangan sebagai sedekah jariah. Di era teknologi kini, sedekah boleh dipermudahkan tanpa mengira masa dan tempat melalui pemindahan wang secara dalam talian, kaedah pembayaran digital, aplikasi mudah alih dan seumpamanya.

Kerajaan beta telah pun mewujudkan berbagai-bagai Tabung seperti Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, Tabung Anak-anak Yatim dan Tabung kemanusiaan Rakyat Palestin. Baru-baru ini Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan Tabung Amal Bantuan Pesakit melalui perkhidmatan SMS dan aplikasi MyDst. Semua platform ini diwujudkan bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sedekah atau derma, dan bagi menanam sikap pemurah dalam jiwa rakyat melalui amalan bersedekah.

Akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada penganjur dan semua ahli jawatankuasa yang terlibat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha yang berkebahjain ini. Amin.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidina Muhammad, Wa 'Alaa Aalihi Wasahbihee Wasallim*, beta dengan sukacita melancarkan buku bertajuk : 'Negara Ditandai Dengan Sedekah / The Country Is Upheld With Charity' dan sekali gus merasmikan Majlis Ilmu 2025 berserta semua acara di dalamnya.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

ANTARA pengisian yang bakal menyerikan Sambutan HPA Kali Ke-32 ialah penyampaian beberapa anugerah penghargaan kepada warga Perkhidmatan Awam yang cemerlang.

Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32

Daerah Brunei dan Muara



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-32, Tahun 2025 dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 September. – Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di setiap daerah.

Masjid tumpuan bagi Daerah Brunei dan Muara adalah Jame'

'Asr Hassanil Bolkiah.

Hadir ke majlis berkenaan, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-32, Tahun 2025; dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka

Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah.

Sementara itu, bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Bolkiah, Yang Dimulakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz; dan Doa Khas sempena HPA Kali Ke-32 dibacakan oleh Awang Abdul Aziz.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam.

Sambutan HPA Kali Ke-32, Tahun 2025 akan diadakan pada 7 Rabiulakhir 1447 Hijrah bersamaan 29 September 2025 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Daerah Tutong



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada majlis berkenaan di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong. Hadir sama, Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (kiri). Manakala gambar atas, antara pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang turut hadir meraikan majlis tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib; Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi;

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri serta pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam.

Sambutan HPA Kali Ke-32 akan diadakan pada 7 Rabiulakhir 1447 Hijrah bersamaan 29 September 2025 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Sabtu, 27 September. – Bersempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32, Tahun 2025, Jabatan Perdana Menteri (JPM) menganjurkan Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas secara serentak di masjid-masjid utama di setiap daerah. Bagi Daerah Tutong, tumpuan masjid

adalah di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong.

Hadir ke majlis berkenaan ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh

Imam Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof, yang kemudiannya memimpin bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas HPA.

Juga hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait (atas dan atas kanan).

Daerah Belait



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin



KUALA BELAIT, Sabtu, 27 September. - Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 diadakan secara serentak di keempat-empat daerah seluruh negara, petang tadi. Di Daerah Belait, majlis sedemikian telah berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas yang diimamkan oleh Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan dan penduduk sekitarnya.

SEBAHAGIAN daripada yang turut hadir meraikan majlis tersebut.

Daerah Temburong



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang telah mengambil tempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Turut hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan dan penduduk sekitarnya (atas dan kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

TEMBURONG, Sabtu, 27 September. - Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali

Ke-32 diadakan secara serentak di keempat-empat daerah seluruh negara, petang tadi.

Di Daerah Temburong, Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa



Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan HPA Kali Ke-32 berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas.

Turut hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan dan penduduk sekitarnya.

Sambutan HPA Kali Ke-32 akan diadakan pada 7 Rabiulakhir 1447 Hijrah bersamaan 29 September 2025 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

WUJUDKAN SEKTOR PENERBANGAN GLOBAL YANG MAMPAN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Sesi Ke-42 Perhimpunan Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), Ibu Pejabat ICAO di Montreal, Kanada.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

MONTREAL, Ahad, 28 September. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Sesi Ke-42 Perhimpunan Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), dengan tema 'Safe Skies, Sustainable Future', diadakan di Ibu Pejabat ICAO di Montreal, Kanada, bermula 23 September 2025.

Perhimpunan ICAO, yang bersidang setiap tiga tahun, merupakan badan pembuat keputusan tertinggi organisasi. Ia menghimpunkan 193 negara anggota untuk membincangkan dasar penerbangan awam global, termasuk sekuriti, kapasiti dan kecekapan navigasi udara, keselamatan dan kemudahan penerbangan, pembangunan ekonomi pengangkutan udara dan perlindungan alam sekitar.

Dalam ucapannya dalam

perhimpunan pada 24 September 2025, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi merakamkan penghargaan Negara Brunei Darussalam (NBD) terhadap peranan ICAO dalam mewujudkan sektor penerbangan global yang selamat, terjamin, cekap dan mampan.

Yang Berhormat mengalu-alukan pembangunan Pelan Strategik Jangka Panjang ICAO (2026-2050) dan Rancangan Perniagaan Tiga Tahun, menggariskan tumpuan mereka pada kelestarian alam sekitar, inovasi digital dan siber sekuriti, sambil menekankan kepentingan inisiatif 'Tiada Negara Tertinggal' (No Country Left Behind) dalam menyokong negara kecil untuk membina kapasiti dan mengukuhkan pengawasan.

NBD menyokong mandat dan objektif strategik ICAO melalui usahanya untuk meningkatkan kecekapan operasi dan daya tahan infrastruktur penerbangannya. Keutamaan diberikan untuk meningkatkan keupayaan keselamatan dan operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan kepentingan strategik negara dalam industri penerbangan.

Yang Berhormat seterusnya menggariskan inisiatif NBD untuk memodenkan dan membuktikan masa depan infrastruktur penerbangannya, termasuk

menaik taraf landasan dan kawasan pergerakan pesawat, peningkatan sistem pemeriksaan dan pengawasan keselamatan, dan penambahbaikan kepada kemudahan aerodrom dan navigasi di LTAB.

Mengenai hal alam sekitar, Yang Berhormat mengalu-alukan usaha ICAO, dalam mempromosikan pelaksanaan CORSIA (Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation), sambil pada masa yang sama menekankan keperluan bahan api penerbangan mampan (SAF), untuk lebih mudah diperoleh dan mampu milik untuk memenuhi matlamat penyahkarbonan global, termasuk pelepasan karbon bersih-sifar menjelang 2050.

Pengiktirafan juga mesti diberikan kepada syarikat penerbangan dan negara yang berada pada pelbagai peringkat perjalanan penyahkarbonan mereka dan oleh itu tidak akan mendapat manfaat daripada pendekatan *one-size-fits all*.

Semasa perhimpunan tersebut, Yang Berhormat turut mengadakan beberapa siri mesyuarat dua hala dengan pemimpin utama penerbangan, termasuk Presiden Majlis ICAO, Salvatore Sciacchitano; Setiausaha Agung ICAO, Juan Carlos Salazar; Timbalan Menteri Pengangkutan, Malaysia, Yang

Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah; Pemangku Presiden Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Qatar, Tuan Yang Terutama Mohamed bin Faleh Al-Hajri; dan Pemangku Menteri Pengangkutan, Singapura, Tuan Yang Terutama Jeffrey Siow.

Penglibatan ini meneroka peluang untuk kerjasama dalam sekuriti penerbangan, penyelenggaraan dan pembangunan modal insan dan bertujuan untuk meningkatkan daya tahan dan daya saing NBD sambil mengukuhkan hubungan strategik dengan rakan kongsi antarabangsa.

Penyertaan aktif NBD dalam Perhimpunan ICAO Ke-42 mencerminkan komitmen kuatnya terhadap kerjasama antarabangsa, dan keazamannya untuk memajukan keselamatan, kecekapan dan kemampanan pengangkutan udara global.

Turut mengiringi Yang Berhormat dalam delegasi NBD ke Perhimpunan ICAO ke-42 ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Setiausaha Pertama dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Kanada, Suzianti binti Abdul Latip, serta pegawai kanan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Jabatan Penerbangan Awam.

Peka terhadap kesihatan jantung, amalkan gaya hidup sihat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Kementerian Kesihatan



PENGAMALAN gaya hidup sihat bukan hanya melakukan kegiatan fizikal secara berterusan, ia termasuk pengambilan makanan sihat dan seimbang, mengurangkan makanan tinggi garam dan lemak, mendapatkan rehat serta tidur yang mencukupi dan berkualiti.

>> Muka 1

Di Negara Brunei Darussalam, penyakit kardiovaskular juga merupakan salah satu penyebab utama kematian. Pada tahun 2024, sebanyak 572 kematian telah dilaporkan akibat penyakit ini termasuk 313 kematian pramatang - menunjukkan peningkatan sebanyak 5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Jika trend ini tidak ditangani, ia boleh membawa kepada penurunan jangka hayat dan kehilangan pendapatan keluarga serta tekanan terhadap perkhidmatan sosial di samping membawa kesan kepada produktiviti kerja dan sumbangan kepada ekonomi negara.

Perkara tersebut terkandung dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sempena Sambutan Hari Jantung Sedunia 2025.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, tema sambutan Hari Jantung Sedunia tahun ini yang jatuh pada 29 September adalah 'Jangan Terlepas Degupan' (Don't Miss a Beat). Tema ini memperingati kita untuk sentiasa peka terhadap kesihatan jantung - bukan hanya apabila berdepanan dengan rasa sakit atau ketidakselesaan, tetapi secara berterusan melalui pilihan gaya hidup yang sihat, pembentukan tingkah laku yang positif, serta perhatian yang berterusan terhadap kesejahteraan

diri.

Oleh itu, Yang Berhormat menekankan beberapa perkara utama untuk diambil perhatian oleh semua iaitu Pengesanan Awal di mana setiap individu perlu mengambil langkah proaktif dalam menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala untuk mengesan faktor-faktor risiko Penyakit Kardiovaskular seperti obesiti, tekanan darah tinggi, paras kolesterol yang tinggi dan diabetes.

Pencegahan, iaitu dengan mengamalkan gaya hidup sihat termasuk pengambilan makanan sihat dan seimbang, mengurangkan makanan tinggi garam dan lemak, melakukan kegiatan fizikal secara berterusan, mendapatkan rehat serta tidur yang mencukupi dan berkualiti bagi mengurangkan tekanan serta mengelakkan pendedahan kepada asap rokok tembakau.

Terakhir ialah Kesedaran Diri - Mengetahui ciri-ciri jantung yang sihat, seperti mempunyai tekanan darah, degupan jantung dan paras kolesterol yang normal serta berfungsi dengan baik adalah penting. Ini termasuk mengenali gejala-gejala penyakit jantung seperti sesak nafas, pening atau sakit dada serta mengetahui bila perlu mendapatkan rawatan segera.

Dalam menangani penyakit kardiovaskular, Kementerian Kesihatan, ujar Yang Berhormat, terus komited dalam memperkukuhkan strategi pencegahan termasuk menetapkan sasaran yang jelas dan langkah-langkah berkaitan bagi mengurangkan kematian pra-matang akibat penyakit kardiovaskular dan penyakit tidak berjangkit yang lain sepertimana yang digariskan dalam Brunei Darussalam Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Non-Communicable Diseases (BruMAP-NCD) 2021-2025.

Menyediakan prasarana dan perkhidmatan yang cukup komprehensif, saksama, mudah diakses dan berkualiti melalui pusat-pusat kesihatan dan hospital di keempat-empat daerah termasuk Perkhidmatan Kardiologi di Hospital RIPAS dan Gleneagles JPMC; serta memperkukuhkan laluan kecemasan penyakit jantung, sistem respons bagi ambulans dan rangkaian rujukan pakar, bagi memastikan setiap pesakit menerima rawatan yang tepat pada masa yang diperlukan.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, menubuhkan Perkhidmatan Klinik Warfarin Sehati melalui pelaksanaan perkhidmatan INR Point of Care (POC), di mana pesakit dapat memperoleh keputusan ujian darah serta-merta, berjumpa pakar perubatan untuk mendapatkan nasihat dan mengambil ubat di satu lokasi.

"Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan dan mengurangkan masa rawatan pesakit yang mengambil warfarin, malah turut meningkatkan kepatuhan terhadap rawatan serta menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan pesakit secara menyeluruh," jelas Yang Berhormat.

Di samping itu juga, mewujudkan sistem pemantauan dan pangkalan data yang lebih tepat bagi perkhidmatan berkaitan penyakit kardiovaskular dan faktor-faktor risikonya melalui kerjasama dengan EVYD Technology Sdn. Bhd.

Yang Berhormat menambah, memanfaatkan teknologi digital dengan mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan dan promosi kesihatan berkaitan penjagaan jantung ke dalam aplikasi BruHealth seperti: i. Program Saringan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme, NSHP) melalui ciri Penilaian Risiko yang memudahkan orang

ramai menempah perjanjian di pusat-pusat kesihatan dan Pusat Pengimejan Payudara; ii. Kempen BN on The Move Championship bagi menggalakkan orang ramai meningkatkan tahap kegiatan fizikal melalui berjalan kaki atau menambah jumlah langkah harian. Kempen tahun ini diperkukuhkan dengan pengenalan komponen baharu yang lebih mencabar iaitu pemantauan rutin kesihatan (Routine) seperti pengambilan air, pemakanan sihat dan waktu tidur yang mencukupi dengan menggunakan sistem mata insentif; iii. Indeks Kesihatan yang membantu orang ramai menilai status kesihatan masing-masing serta pengesanan awal penyakit dan faktor-faktor risiko penyakit kardiovaskular seperti merokok. Perokok yang dikenal pasti dan berhasrat untuk mendapatkan bantuan untuk berhenti merokok boleh membuat perjanjian di klinik-klinik kesihatan melalui aplikasi BruHealth.

Mengakhiri perutusannya, Yang Berhormat menyeru semua lapisan masyarakat - sama ada individu, ahli keluarga, komuniti, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan mahupun pihak swasta untuk bersama-sama memperkukuhkan usaha pencegahan dan pengawalan penyakit kardiovaskular.

"Marilah kita jadikan Hari Jantung Sedunia 2025 ini sebagai titik tolak untuk memperbaharui komitmen terhadap penjagaan kesihatan jantung dengan secara proaktif mengamalkan gaya hidup sihat, menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala dan memberikan sokongan kepada mereka yang berisiko. Dengan kerjasama padu, kita boleh memupuk budaya pencegahan dan memastikan setiap degupan jantung kita adalah ke arah kehidupan yang lebih sihat, sejahtera dan berkualiti," seru Yang Berhormat.

سرورک ديري

هياسی ديري دغن صفة أمانه

كدوا: اورغ یغ منجوايكن امانه اداله اورغ یغ منافق. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أُؤْتِنَ خَانَ.

مقصودن:

تندا-تندا اورغ منافق ايت تيك فركارا: اقبيل بركات دي برهوهو، اقبيل برجنجي دي موغكيري دان اقبيل ديري امانه دي مغياني. {حديث رواية إمام بخاري}

كتيك: اورغ یغ منجوايكن امانه اداله اورغ یغ تيدق سمقورنا ایمانن. درقد انس بن مالك رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بركات: رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تيدق قرنه برخطبة دهادقن كامی كجوالي بكيندا مغانكن: لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ.

مقصودن:

"تيدق سمقورنا كلمانن باكي اورغ یغ تيدق امانه، دان تيدق سمقورنا اكام مساورغ باكي یغ تيدق منوهي جنجي." {حديث رواية إمام احمد}

جماعه یغ درجنجي الله،

الحمدلله، قد تاهون اين نكارا كيت بروني دارالسلام مراعيكن هاري فرخدمتن عوام كالي ك-۳۲. تيما سمبون قد تاهون اين اياه "كرداي تاهن دان فرقادوان فرخدمتن عوام فمغكن كسجهزان نكارا". فرخدمتن عوام مروفاكن توغقن اوتام دالم مغلرك اكنيفكن سومر تناك مانسي دان فيومغ كقد فروكرام فمباغونن نكارا دالم منجاي واوسن بروني ۲۰۳۵.

مك سلاكو فنجاولات عوام، ماريله كيت سام-سام ملقسناكن تغكوغجواب دغن جكف، بيحقسنا، جوجور، عادل دان امانه. سباكاي اومت اسلام، كيت هندقله ميقيني بهاوا امانه دالم فكرجان اداله ساتو توتوتون دان اكن دحساب دهادقن الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى دأخيرة كلق. اوليه یغ دمكين، كيت هندقله برأوسها برسوگكوه-سوگكوه دمي منجالكن تغكوغجواب یغ تله دأمانهكن.

أخيرن، ماريله كيت سام-سام بردعاء سبوك كيت سموا، سام اد یغ بكرجا دغن فرخدمتن عوام اتاوقون یغ بكرجا دغن فيق سواستا اكر سنتياس ملقسناكن توگس دان تغكوغجواب دغن امانه. موده-مودهن سكللا فكرجان یغ كيت لاكوكن ايت مندافت كنجرن فهلا، بركت دان رحمة یغ برتروسن درقد الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسيرن:

سسوگكوهن الله ميوروه كامو سوفاي ميرهكن امانه-امانه كقد اهلين (یغ برحق مريمنا) دان اقبيل كامو منجالكن حكوم انتارا مانسي (هندقله) كامو مغلركوم دغن عادل. سسوگكوهن الله (دغن سوروهتن ايت) ميري فقاجرن یغ سبايك-بايكن كقد كامو. سسوگكوهن الله اداله مها مندغر لاكي مها مليهت. {سورة النساء آية : ۵۸}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

منجاري-جاري كلمهن اتاو كسالمن اورغ-اورغ دباهو تاغن كيت كمودين مغلركوم دغن تينلقن-تينلقن ملولو یغ مباكيني. "دمكين بكيندا برتته.

اوليه ايت، سباكاي ساورغ فكرجا خصوص فنجاولات عوام یغ تله ديري مندت اونوق ممكغ جاونن هندقله مميكول دان منانين دغن قنوه راس امانه دان تغكوغجواب، جاغن سمقي امانه یغ دفرتكوغجوابكن ايت دخياني.

جماعه یغ درجنجي الله،

ساورغ فكرجا خصوص فنجاولات عوام هندقله برأوسها ملقسناكن توگس یغ ديريكن دغن بايك دان سمقورنا، برسوگكوه-سوگكوه، مقويي راس تغكوغجواب، منوئوفكن كوميتمن، تيدق ممينكن اورغ لاين دان مييافكن توگسن یغ ديريكن دغن امانه دان تفت قد وقتو. جستروكيت فرلو منترجهكن امانه سجارا فركتيكال دالم فكرجان. انتاران امانه قد ماس دان توگس یغ ديريكن، امانه قد هرتا، داتا یغ دفرتكوغجوابكن، امانه دالم فرأوليهن دان كواغن، امانه دالم مغوروس كونفليك كفتينغن، امانه قد لاينن، امانه دالم مېوات كفتوسن دان سباكاي.

فرلو دكتهوي، بهاوا صفة امانه ايت سكران تله ترنام سوبور دالم ديري كيت، ان شاء الله، تيدق اكن تيمبول مسئله رسواه، فليويغن، جوري ماس، جوري تولغ، ملقسناكن كرجا كورغ بركواليي، جوي دان سمبيل ليوا سهاج. مك دسيني جلسله بهاوا صفة امانه ايت دعبارتكن سباكاي أنق كوئجي كجايان كقد سسواتو أوركانيساسي، شريكت، جابن دان كمنترين. اينله سوباغن بسر كيت كقد كماجوان نكارا دان كسجهزان رعية، سايرينغ هالا توجو فمباغونن نكارا یغ منكنكن اينتكريي، كجمرلغن دان كسجهزان سوشيال.

جماعه یغ درجنجي الله،

اكام كيت مواجكن اومتن اونوق منجاك دان مملهارا امانه دان مغمرامكن ملاكوكن خيانت دغن منجوايكن امانه. الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الأنفال آية ۲۷:

تفسيرن:

واهاي اورغ-اورغ یغ برلمان! جاغلنه كامو مغياني الله دان رسولن دان جاغلنه كامو مغياني امانه-امانه (یغ دأمانهكن كقد) كامو سدغ كامو مغيوي.

دالم القرآن دان حديث-حديث رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اد منجلسكن مغناي بالسن ترهادف اورغ-اورغ یغ منجوايكن امانه دان بربوات خيانت، انتاران:

قرتام: اورغ یغ بربوات خيانت اكن منربا بالسن دأخيرة كلق. الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة آل عمران آية ۱۶۱:

تفسيرن:

دان تيدق موغكين ساورغ ني بريخانت (دالم اوروسن هرتا رامقسن فراغ). دان سسياف یغ بريخانت نسجاي دي اكن داتغ ممباوا اف یغ دخيانتكن ايت قد هاري قيامه. كمودين ستياف ديري اكن ديري بالسن یغ سمقورنا سسواي دغن اف یغ داوسهاكن سدغن مريك تيدق دظاليمي.

جماعه یغ درجنجي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغكنكن كلمانن كقدن. سسوكوهن اورغ یغ فالينغ مليا دسيسا الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى ايت اياه اورغ یغ فالينغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان یغ سنتياس مغياني الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه یغ درجنجي الله،

مغياسي ديري دغن اخلاق یغ بايك دان مليا ايت اداله ساتو كاوتامان باكي ممينا دان مباحون كروكونن هيدوف برآكام، برمشاركت دان برنكارا. ددالم اسلام، اورغ-اورغ یغ براخلاق بايك دان مليا اين اكن منمقي كدودوقن یغ تيغكي ددنيا دان جوك دأخيرة.

رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بكيندا اد منجلسكن مغناي كدودوقن اتاوقون درجت اورغ یغ بايك دان مليا اخلاقن ايت قد هاري قيامه كلق. درقد جابر رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: إِنْ مِنْ أَحَدِكُمْ إِلَيَّ وَأَقْرَبُكُمْ مِنِّي يَجْلِسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحْسَنَكُمْ أَخْلَاقًا.

مقصودن:

سسوگكوهن یغ فالينغ اكو جيتاي دان فالينغ دكت دغنكو دأخيرة نقي اداله اورغ یغ مقويي اخلاق تربايك. {حديث رواية إمام ترمذي}

ادفون انتارا اخلاق مليا یغ فاتوت دميليكي اوليه ستياف اومت اسلام ايت اداله امانه. افاكه دي صفة امانه؟ امانه اداله سكللا سسواتو یغ دفرجاين كن كقد مانسي، بايك یغ مياغكوت حق ديري، حق اورغ لاين ماهوونن حق الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى.

جماعه یغ درجنجي الله،

اكام اسلام مغناجوركن اومتن اكر مغياسي ديري دغن صفة امانه. بتاف بسر كفتينغن امانه ايت سهيغك اي دجاديكن سباكاي سالا ساتو صفة یغ واجب باكي ساورغ رسول. تنقا اد صفة امانه، سسواتو متلامت ايت تيدق موغكين اكن ترجافاي سقرتي یغ دراينغ.

سسوگكوهن امانه مروفاكن ساتو تغكوغجواب یغ امت بسر دان ساغت برت اونوق دلقسناكن دان اي بوكنله ساتو فركارا یغ موده دان بوليه دامبيل ريغن. ادفون انتارا جونتوه یغ بوليه دكايتكن دغن امانه ايت اداله مغممالكن صفة امانه دالم فكرجان، تيدق كيرا سام اد سساورغ ايت بكرجا سنديري، بكرجا دسيكتور عوام ماهوونن دسيكتور سواستا.

فرينجال امانه اين اد دتنيهن اوليه كباوه دولي یغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان یغ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام سماس فرسيداغن خاص مجلس مشوارت منزي-منزي كابينت قد ۴ جولاي ۲۰۲۲ داستان نور الإيمان، انتارا قتيكن تيته بكيندا:

"جاوتن یغ دساندغ اداله سمات-سمات امانه، دمان امانه اداله مروفاكن فرجنجن سوجي كيت دغن الله. جك امانه ايت، تيدق اتاو سالا دتونيكن ملك برارتي كيت تله ملغكر فرجنجن ترسبوت.

دانتارا امانه باكي قمكغ-قمكغ جاوتن اياه ملقسناكن تغكوغجواب دغن تلوس دان عادل، برسيكف بايك سغا ترهادف سموا أنق بواه سرتا مغلبلقكن عمالن فيليه كاسيه ترماسوق تيدق سكالي-كالي برسيكف سوك

SEMPAHIYANG SUNAT HAJAT BAGI PELAJAR PIP YSHHB



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB semasa hadir tetamu kehormat pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat.

ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bacaan Doa Peperiksaan yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Majlis diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Berkat Kunci Kecemerlangan' yang disampaikan oleh Penolong Ra'ies III, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Pada tahun ini, seramai 305 pelajar yang mengikuti Projek Kelas

Tuisyen PIP di laman buah pusat di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 172 pelajar akan menduduki Penilaian Sekolah Rendah (Tahun 6); 50 pelajar akan menduduki Peperiksaan BCGCE 'O' Level (Tahun 11); dan 83 pelajar akan menduduki Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

PIP merupakan salah satu usaha YSHHB dalam melaksanakan matlamat strategik bagi 'Mendukung Pencapaian Pendidikan yang Berkualiti dan Saksama' khususnya membantu meningkatkan mutu pencapaian pendidikan pelajar daripada golongan keluarga yang kurang berkemampuan.

Kelas Tuisyen PIP YSHHB menumpukan pembelajaran mata-mata pelajaran teras bagi memastikan para pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan supaya mereka mendapat peluang terbaik dalam meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Melalui projek tersebut para pelajar berpeluang mengikuti kelas tuisyen secara intensif dan percuma pada setiap Ahad di laman buah pusat Kelas Tuisyen PIP di seluruh negara.



KIARONG, Ahad, 28 September. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengendalikan Majlis Sembahyang Sunat Hajat iaitu khusus bagi para pelajar yang mengikuti kelas tuisyen di bawah Program Intervensi Pendidikan (PIP) YSHHB bagi seluruh negara, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, di sini

ANTARA yang hadir pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah.

Lawatan Rasmi eratkan hubungan Badan Kehakiman NBD, Australia

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

MELBOURNE, Sabtu, 27 September. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bersama delegasi dari Badan Kehakiman Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada Pemangku Ketua Pendaftar dan Ketua Majistret,

Pengiran Hajah Norismayanti binti Pengiran Haji Ismail serta Pendaftar Kanan, Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim telah mengadakan Lawatan Rasmi ke Federal Circuit and Family Court of Australia (FCFCOA) di Melbourne, baru-baru ini.

Delegasi telah dialu-alukan oleh

The Honourable Chief Justice William Alstergren AO dan Pegawai Kanan FCFCOA.

Semasa lawatan tersebut, ketua-ketua hakim telah mengadakan perbincangan mengenai pentadbiran mahkamah dan kehakiman, proses pengurusan kes, mediasi bersekutu dengan mahkamah serta peranan para pendaftar, termasuk inisiatif untuk menyokong pihak yang mewakili diri sendiri dalam perbicaraan.

Perjumpaan tersebut juga turut meneroka mekanisme

Penyelesaian Pertikaian Keluarga (FDR) dan Perkhidmatan Advokasi dan Sokongan Keluarga (FASS), khususnya dalam melindungi pihak-pihak yang terdedah (vulnerable litigants) dalam proses kehakiman.

Kedua-dua ketua hakim telah mengulangi komitmen mereka untuk memperkukuhkan kerjasama kehakiman antara NBD dan Australia di bawah Pelan Tindakan Australia - NBD 2024 - 2027.

Lawatan ini berperanan dalam mengeratkan hubungan antara kedua-dua badan kehakiman serta

mengenal pasti peluang untuk pertukaran profesional, pendidikan kehakiman dan kerjasama dalam amalan terbaik.

Sebagai sebahagian daripada program di Melbourne, delegasi juga turut mengunjungi Children's Court of Victoria dan College of Law, di mana mereka memperoleh pendedahan mengenai proses keadilan yang berfokuskan kanak-kanak, amalan pemulihan, pendidikan undang-undang berterusan serta program mediasi yang diiktiraf.



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar bersama delegasi dari Badan Kehakiman Negara Brunei Darussalam mengadakan Lawatan Rasmi ke Federal Circuit and Family Court of Australia di Melbourne, baru-baru ini.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menjaga Hutan, Menyelamatkan Masa Depan'. Tarikh Tutup : 1 Oktober 2025
2. 'Teknologi dan Masa Depan Pendidikan Anak Bangsa'. Tarikh Tutup : 8 Oktober 2025
3. 'Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 15 Oktober 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MOHON PERLINDUNGAN KESELAMATAN PENGGUNA JALAN RAYA

TEMBURONG, Ahad, 28 September. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) telah mengadakan Majlis

Membaca Ratib Al-Attas, Solat Sunat Hajat dan Solat Fardu Asar Berjemaah bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan

Bangar, Daerah Temburong, baru-baru ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Ridzuan bin Haji Ahmad selaku Pemangku Setiausaha MKKJR, Ahli-ahli MKKJR berserta wakil, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan penduduk-penduduk di sekitar Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ratib Al-Attas, Solat Sunat Hajat dan diteruskan dengan Solat Fardu Asar Berjemaah yang dipimpin oleh Imam Tingkat 3, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong, Awang Norezam bin Haji Zaini.

Majlis ini adalah antara inisiatif berterusan MKKJR dalam memohon keberkatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar para pengguna jalan raya sentiasa dilindungi daripada sebarang musibah dan kemalangan serta



MAJLIS Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya semasa mengadakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas, Solat Sunat Hajat dan Solat Fardu Asar Berjemaah yang dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya

agar Negara Brunei Darussalam (NBD) akan sentiasa berada dalam keadaan aman, selamat dan diberkati.

Dalam kesempatan ini, MKKJR menyeru kepada semua pengguna jalan raya supaya meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya serta mematuhi undang-undang lalu lintas, khususnya dengan mematuhi had kelajuan, selaras dengan tema Kempen

Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya iaitu 'Watch Your Speed, Watch The Road'.

Dalam hal ini, MKKJR juga menekankan bahawa keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan komitmen berterusan daripada semua pihak sama ada agensi kerajaan, sektor swasta mahupun masyarakat umum, demi melindungi nyawa serta kesejahteraan semua pengguna jalan raya di NBD.

DARI MAHKAMAH

Didenda akibat terlibat kegiatan tidak bermoral

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 September. - Dua wanita warganegara Thailand dijatuhkan hukuman denda oleh Mahkamah Majistret, hari ini kerana terlibat dalam kegiatan tidak bermoral.

Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan denda terhadap Jiraporn Gattefosse (D1) yang mengaku bersalah atas satu pertuduhan dan didenda sebanyak BND1,000. Jika gagal akan dikenakan hukuman penjara selama satu bulan.

Manakala Nawaphon Phonthai (D2) mengaku bersalah atas dua pertuduhan dan didenda sebanyak 14 bulan dan satu kali sebatan namun dikesualkan dan sebagai ganti denda sebanyak BND1,000 jika gagal hukuman penjara selama satu bulan.

Mengikut pertuduhan, pada 8 September 2025, pukul 9.08 malam, keanggotaan dari keanggotaan dari Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah melakukan serbuan di sebuah premis di Kampung Tanjung Nangka berdasarkan maklumat awam bagi aktiviti pelacuran yang disyaki.

Apabila anggota polis tiba di tempat kejadian, mereka mendapati D1 bersama seorang lelaki di dalam salah satu bilik sehingga membawa kepada penahanan D1. Sepanjang serbuan dijalankan, D2 turut ditahan di premis tersebut atas syak terlibat dalam aktiviti pelacuran.

Hasil pemeriksaan lanjut turut menemui beberapa barangan di tempat yang berbeza dipercayai berkaitan dengan kegiatan tersebut termasuk sejumlah wang tunai; beberapa unit telefon bimbit; satu kondom dan satu pelincir yang dirampas sebagai bahan bukti. Kesemua suspek dan barangan rampasan telah dibawa ke JSJ untuk siasatan lanjut.

Siasatan mendedahkan bahawa D1 telah memberikan perkhidmatan hubungan seks kepada seorang lelaki sebagai balasan bayaran sebanyak BND40. Siasatan lanjut turut mendedahkan bahawa D1 telah memasuki negara ini pada 29 Ogos 2025 dengan Pas Lawatan yang sah untuk tempoh 14 hari. Namun begitu, D1 terus berada di negara ini sehingga penangkapannya pada 8 September 2025. D1 mengaku bahawa tujuan beliau adalah untuk melakukan aktiviti pelacuran.

Sementara D2 siasatan mendedahkan bahawa D2 telah menjalankan perkhidmatan seksual sejak awal tahun 2023 dari sebuah kediaman di Selayun. Pada 5 Julai 2025, beliau telah berpindah ke premis tersebut di mana D2 menyewa premis itu dengan kadar BND600 sebulan khusus untuk tujuan kegiatan tidak bermoral.

Siasatan juga mendedahkan bahawa kedua-dua suspek terlibat dalam aktiviti pelacuran khususnya D2 di mana D2 bertanggungjawab mendapatkan pelanggan untuk D1 melalui aplikasi WhatsApp, membolehkan D1 diupah dengan niat untuk D1 digunakan atau diambil bekerja bagi tujuan pelacuran di negara ini.

Perkhidmatan seksual ditawarkan dengan kadar antara BND25 hingga BND40 bergantung kepada jenis perkhidmatan yang diminta. D2 juga secara bebas mendapatkan pelanggan melalui platform yang sama bagi aktiviti pelacuran.

Siasatan lanjut terhadap status imigresen D2 mendedahkan bahawa beliau kali terakhir memasuki Negara Brunei Darussalam pada 23 Mac 2024 melalui Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah dan telah diberikan Pas Lawatan selama lima hari yang hanya sah sehingga 28 Mac 2024 dan tiada lanjutan lanjut dibenarkan. D2 tidak membuat sebarang permohonan untuk lanjutan dan pas beliau telah tamat tempoh sejak 29 Mac 2024.

Sebagai seorang warganegara asing, D2 bertanggungjawab untuk memastikan status imigresennya kekal sah sepanjang tempoh keberadaannya. D2 gagal melaporkan diri kepada pihak berkuasa selepas tamat tempoh Pas Lawatannya dan telah terus tinggal secara tidak sah di negara ini sehingga penangkapannya pada 8 September 2025.

D2 didapati telah tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan tanpa sebab munasabah selama 529 hari, bermula dari 29 Mac 2024 hingga 8 September 2025.

Berdasarkan rekod, D1 dan D2 tidak mempunyai sebarang sabitan kesalahan lampau. Pendakwa kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Raya, Tiah Teck Chiun (Jordan) manakala defendan tidak diwakili peguam.

Homegrown menawarkan hasil tanaman semula jadi berkualiti tinggi



PEMANGKU Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dr. Diana Dennis, selaku wakil kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Homegrown.

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad**

TUNGKU, Sabtu, 27 September. - Homegrown (oleh Nana Agro Farm), sebuah jenama baharu yang membawakan hasil alam terbaik secara terus kepada komuniti, diraikan pagi tadi pada Majlis Perasmian Homegrown yang berlangsung di Homegrown, Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP), Tungku 'A', di sini.

Sambutan berkenaan menandakan permulaan lembaran baharu bagi jenama berkenaan yang berdedikasi untuk menawarkan hasil tanaman semula jadi yang berkualiti tinggi serta memupuk cara hidup yang lebih sihat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah

Pertanian dan Agrimakanan, Dr. Diana Dennis, selaku wakil kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Acara turut diisi dengan penyampaian sijil kepada Perunding Homegrown serta ejen pengedar mereka; Majlis Pemotongan Reben; lawatan berpandu serta demonstrasi masakan secara langsung hasil signature Homegrown.

Homegrown secara rasminya memulakan operasi Fasa 1, yang merangkumi sejumlah 11 buah Rumah Hijau, iaitu lima buah Rumah Hijau memberi tumpuan kepada pengeluaran sayur-sayuran berdaun seperti Bake Choy dan Choy Sam; empat buah Rumah Hijau dikhaskan untuk timun Jepun; sebuah Rumah Hijau untuk penyelidikan; dan sebuah Rumah Hijau berfungsi sebagai tapak semeaian.

Di antara kemudahan yang disediakan ialah rumah pembungkusan, stor sejuk, kemudahan penyimpanan, kuarters pekerja dan kemudahan rawatan air.

"Homegrown bukan sekadar tentang hasil tanaman, ia adalah tentang memupuk gaya hidup yang berakar pada kualiti, penjagaan, dan komuniti.

"Majlis perasmian pembukaan besar-besaran ini adalah cara kami untuk membuka pintu dan menjemput semua orang mengalaminya sendiri," jelas pasukan dari Homegrown.

Sambutan berkenaan mengetengahkan perjalanan dan wawasan jenama tersebut, sambil memberi peluang kepada pengunjung untuk berhubung secara langsung dengan ladang dan pasukan di belakangnya.

Sebagai sebahagian daripada komitmennya terhadap pertumbuhan tempatan, Homegrown juga berdedikasi untuk mencapai pensijilan Amalan Pertanian Baik Brunei (Brunei Good Agricultural Practice - Brunei GAP), seterusnya menunjukkan komitmennya terhadap kualiti, keselamatan makanan dan piawaian pertanian mampan selaras dengan aspirasi negara.


**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 97 / 25-26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
Genre: English Feature /
Blockbuster Movie – Family,
Inspirational, Comedy, Action,
Sci-Fi, Adventure

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 92 / 25-26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
Genre: Magazines – Cooking:
International / Halal

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 93 / 25-26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
Genre: Magazines - Cooking:
Regional Asia / Halal

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 94 / 25-26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
Genre: Magazines - Talkshow /
Factual: Health / Human Interest

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 95 / 25-26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
Genre: Magazines - Islamic
Factual / Reality: Travelogue

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 96 / 25-26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
Genre: Documentary - Reality /
Factual: Nature / Environment /
World Awareness

Bayaran Yuran:

BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,
15 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


Tajuk Sebut Harga:

1. RTB / K / 88 / 25 - 26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
Genre: Korean Drama Series
(Modern) – Family, Inspirational,
Suspense, Comedy

Tajuk Sebut Harga:

2. RTB / K / 86 / 25 - 26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
Genre: Malaysia Telemovie
(Timeless) – Family, Inspirational,
Religious

Tajuk Sebut Harga:

3. RTB / K / 87 / 25 - 26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
GENRE: Malay Blockbuster Movie
- Family, Inspirational, Comedy,
Action

Tajuk Sebut Harga:

4. RTB / K / 89 / 25 - 26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
GENRE: Magazines (Children) -
Informative: Technology / Human
Interest

Tajuk Sebut Harga:

5. RTB / K / 90 / 25 - 26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
GENRE: Magazines (Children) -
Informative : Education / Human
Interest

Tajuk Sebut Harga:

6. RTB / K / 91 / 25 - 26
Perolehan Rancangan
Luar Negeri
GENRE: Magazines (Children) -
Reality / Games: Cooking / Baking
/ Food

**Bayaran Yuran (Termasuk
e-dokumen):**

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Salinan Kertas (hardcopy):

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,
1 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 103 / 25 - 26
Penggambaran dan
Penyuntingan Filler
Keagamaan IndahNya
Zikir

**Bayaran Yuran (Termasuk
E-Dokumen):**

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Salinan Kertas (hardcopy):

BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,
1 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Bilangan Dan Tajuk Tawaran :

JDBM / Q / 63 / 2025
Membaikpulih Kerosakan Dinding
Dan Siling Bertempat Dewan
Kemasyarakatan Mukim Pengkalan
Batu, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :

JDBM / Q / 64 / 2025
Membaikpulih Kerosakan Atap
Bertempat Dewan
Kemasyarakatan Lambak Kanan
CC1, Mukim Berakas 'B',
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :

JDBM / Q / 65 / 2025
Penswastan Selama 18 Bulan
Bagi Kerja-Kerja Pembersihan
Kawasan-Kawasan Dan
Pemeliharaan Bangunan
Persekitaran Pasar Pantai
Jerudong, Mukim Sengkurong,
Negara Brunei Darussalam,

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

22 / DBP / SH / 2025-2026
Pembekalan Alat Tulis, Kertas
Dan Barang-Barang Kegunaan
Pejabat Dewan Bahasa Dan
Pustaka, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Harga Borang Tawaran:

BND10.00

**Tarikh Tutup Tawaran /
Sebut Harga:**

Rabu, 8 Oktober 2025


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Kenyataan Sebut Harga
**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

24 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK /
16.14
Renovation Works To Meeting
Room At Level 7,
Ministry Of Culture, Youth And
Sports, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**
JPt / TAW / 06(A) / 2024-2025:

Kerja-Kerja Penyambungan
Bekalan Air Domestik Bagi
Kawasan Kemajuan Pertanian
Batang Mitus (Buah),
Tutong

(Yuran Tawaran BND30.00 |
Borang Tawaran BND15.00)

Tidak lewat dari jam
2.00 Petang pada Selasa,
28 Oktober 2025.


**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
POS / T / 28 / JPP / 2025-2026
Pembekalan Dan Pemasangan
Sistem Kamera Litar Tertutup
(CCTV)
Di Cawangan-Cawangan
Pejabat Pos

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning Of Cisco Switch
For Air Traffic Services Centre At
Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / LTK-04

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:

Isnin,
29 September 2025


**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Isnin,
27 Oktober 2025

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
28 Oktober 2025


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
03 / ASSET.MFA /
2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Deliver And Installation
Of Loose Office Furniture
For A Period Of Twelve
(12) Months - FSOR

Bayaran Sebut Harga:

BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu,
1 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA

Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Bil. Tawaran:
07 / KHEU / BTM / 2 / RFP /
2025

Network Infrastructure Upgrade
Project: The Supply,
Delivery, Installation, Setup,
Configuration, Testing And
Maintenance For
Ma'had Islam Brunei,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Oktober 2025
2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
09 / KHEU / BTM / 2 / RFP /
2025

One-Year Term Contract
To Supply And Deliver Genuine
Toner And Ink Cartridges
For The Ministry Of Religious
Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 September 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / DITU /
TA / 04

Pembelian Dan Pemasangan 'CAT6A
Network Points' Untuk Kementerian
Pertahanan Dan Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan).

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / TU /
TA / 06

Pembelian Alat Kelengkapan
Support Element Progress Bagi
Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu minggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
30 September 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / LB /
TA / 010

Pembelian Unmanned Aerial
Vehicle And Vtol Unmanned Aerial
Vehicle With Associated
Accessories

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Terakhir Bagi Pembelian
Borang Tawaran Adalah Satu
(1) Minggu Sebelum
Tarikh Tutup Tawaran, iaitu
Selasa,
21 Oktober 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0028 / 2025
Technical Service For Annual
Preventive Maintenance And
Calibration Works On Polymerase
Chain Reaction Laboratory
Equipments In Accordance To
Manufacturer's Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0029 / 2025
Technical Service For Certification
And Preventive Maintenance
Works On Biohazard Safety
Cabinets And Fumehoods In
Accordance To Manufacturer's
Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0030 / 2025
Technical Service, Preventive
Maintenance And Calibration For
Hach Spectrophotometer In
Accordance To Manufacturing
Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0031 / 2025
Technical Service, Preventive
Maintenance And Alignment For
Digital Microscope In Accordance
To Manufacturer's Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0032 / 2025
Technical Service, Preventive
Maintenance And Calibration Of
Two Units Carl Zeiss Digital
Microscope In Accordance To
Manufacturer's Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0033 / 2025
To Supply And Provide Technical
Service And Preventive
Maintenance For Dehumidifier In
Accordance To Manufacturing
Specification

Bilangan Dan Tajuk Sebut

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tawaran:
JPI / 01 / 2025(R)

To Conduct Carrying Capacity
Assessment For Sustainable
Aquaculture
At Current Fish Cage Culture
Inshore Sites, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Harga:

IKAN / 78(Q) / 0034 / 2025
To Supply And Delivery Of
Laboratory Apparatus For
Antimicrobial Resistance Testing
For Aquatic Animal Health And
Laboratory Services Centre,
Department Of Fisheries


Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

جانب كاجي جوايا وني دارالسلام



JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tawaran Bagi
'The Migration Of Brunei WX
APP To
E-Government National Centre
(EGNC) One Government
Private Cloud
(OGPC)'

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 /
SH-09

Tarikh Tutup:
Rabu,
1 Oktober 2025

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1 / Aras Permukaan,
Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning And Maintenance Of Schools Network Infrastructure Upgrade Phase II, Ministry Of Education

MOE / LTK / 51 / 2025 / 2026 (ICT-SEPTEMBER-2025)
The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning And Maintenance Of Schools Network Infrastructure Upgrade Phase II, Ministry Of Education.

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND2,005.00
[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND2,000.00 Dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak Dikembalikan]

Tarikh Hari Maklumat:
Rabu
1 Oktober 2025

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Isnin,
6 Oktober 2025
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDT / BPP / 01 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Pengurusan Dan Pengendalian Gerai Pasar Malam Seri Kenangan, Musim Ke-12 Bagi Jabatan Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
6 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENGANGKUTAN
DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran:
36 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
Kerja-Kerja Menakhtarak Ruang Pejabat Kepada Ruang Stesen Kerja Dan Ruang Pantry Bagi Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 September 2025
Jam 2.00 Petang

JABATAN BANDARAN KUALA
BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
BBS / TOC (R) / MSAU / KBS / 2025 – 2028

Keterangan Projek:
Three (3) Years Term Contract Maintenance And Servicing Air Conditioning Units For Municipal Buiding Kuala Belait And Seria

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Kategori Kerja:
Mekanikal (Kelas M01):
Sistem Hawa Dingin dan Pendedaran Udara

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 Oktober 2025

MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di Dalam Mahkamah Di Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 212 / 2014

**Baiduri Finance Berhad [Previously Filed by HSBC Finance (B)]
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyan**

**Mohd Suhaidi Bin Sabri @ Sabli
Penghutang Penghakiman / Penentang (RBPF No.262111 (Y))**

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 15 Januari 2015 telah dibatalkan pada 19 Jun 2025.

Nama Penghutang:
Mohd Suhaidi Bin Sabri @ Sabli

Alamat Penghutang:
No. 58, Simpang 326,
Kg. Perpindahan Serasa Muara,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh:
26 Jun 2025

Kes No.
BCY / CP / 241 / 2019

**BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyan**

**Lihan Bin Haji Ali
Penghutang Penghakiman / Penentang (BYIC No.00-070262)**

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 21 September 2019 telah dibatalkan pada 10 Mei 2025.

Nama Penghutang:
Lihan Bin Haji Ali

Alamat Penghutang:
No. 21, Kampung Bukit Mau,
Ulu Belait KG1137,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
30 Jun 2025

Kes No.
BCY / CP / 235 / 2019

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyan**

**Ahmad Safri Bin Hassan
Penghutang Penghakiman / Penentang (BYIC No.00-280744)**

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 18 Julai 2019 telah dibatalkan pada 10 Mei 2025.

Nama Penghutang:
Ahmad Safri Bin Haji Hassan

Alamat Penghutang:
No. 10, Simpang 371, Jalan Bukit

Bilid,
Perumahan Bukit Beruang Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
30 Jun 2025

Kes No.
BCY / CP / 559 / 2017

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
Pemiutang / Pemetisyan**

**Masrazaini Bin Haji Ghazali @ Maslie
[Kad Pengenal Brunei No. 00-251112 - Kuning]
Penghutang / Penentang**

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:
Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 3 Mei 2025.

Nama Dan Alamat Bankrap:
Masrazaini Bin Haji Ghazali @ Maslie,
No. 4, Simpang 47, Jalan D, Kampung Perpindahan Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
21 Januari 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
30 Jun 2025

**Mohammad Marzuqi Bin Sabtu
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

Kes No.
BCY / CP / 262 / 2022

**BIBD AT-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyan**

**Muhd Hairun Ikhwan Bin Kusno
[PC No. 6540 / BYIC No. 01-055604]
Penghutang / Penentang**

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 22 Februari 2025.

Nama dan alamat Bankrap:
Muhd Hairun Ikhwan Bin Kusno
No. 9, Jalan 99,
Simpang 63-26,
Kampung Rimba Gadong, BE3119
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
4 November 2024

Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan

Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
30 Jun 2025

**Nur Sariy Syahmina Binti Haji Jaffri
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

Kes No.
BCY / CP / 291 / 2017

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyan**

**Iswandi Bin Mahmood / Mahmud
(BYIC No. 00-269697)
Penghutang Penghakiman / Penentang**

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 21 Oktober 2017 telah dibatalkan pada 21 Jun 2025.

Nama Penghutang:
Iswandi Bin Mahmood / Mahmud

Alamat Penghutang:
No. 9, A5, Simpang 636-29,
Teres Kampong Beribi,
Gadong, BE1118
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
25 Jun 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPM / PPB / CIU / IT / 29

Tajuk Tawaran:
The Supply and Renewal of Red Hat Enterprise Linux (RHEL) Subscription Licenses for JobCentre Brunei (JCB) System For One (1) Year (2025-2026)"

Yuran Tawaran:
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
15 September 2025

Tarikh Tutup:
Rabu,
1 Oktober 2025
2:00 Petang



مجلس دارالسلام
 MAJLIS ILMU 2025

نكارا دناناي دغن صدقه
 Negara Ditana'i Dengan Sedekah

سمفنا سمبوتن قرايان هاري كقوتراين
 كباوه دولي يغمها مليا قاذك سري بكندا سلطان دان يقدثرتوان
 نكارا بروني دارالسلام ك-٧٩ تاهون

MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2025

Khamis | 3 Rabiulakhir 1447H bersamaan 25 September 2025M | Bermula 8.00 pagi

FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2025

Sabtu | 5 Rabiulakhir 1447H bersamaan 27 September 2025M | Bermula 8.00 pagi

CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2025

Selasa | 8 Rabiulakhir 1447H bersamaan 30 September 2025 | Bermula 8.00 pagi

SEMINAR MAJLIS ILMU 2025

Isnin | 28 Rabiulakhir 1447H bersamaan 20 Oktober 2025M | Bermula 8.00 pagi

PAMERAN MAJLIS ILMU 2025

Khamis hingga Rabu

3 hingga 9 Rabiulakhir 1447H bersamaan 25 September hingga 1 Oktober 2025M

(Pameran terbuka bagi kunjungan orang ramai)

BERTEMPAT:

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROGRAM CERAMAH SEMPENA MAJLIS ILMU 2025

Daerah Belait

Pusat Insani, Seria
 Khamis, 17 Rabiulakhir 1447H
 / 9 Oktober 2025M

Daerah Brunei dan Muara

Dewan Musyawarah,
 Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
 Selasa, 22 Rabiulakhir 1447H
 / 14 Oktober 2025M

Daerah Tutong


Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong
 Sabtu, 26 Rabiulakhir 1447H
 / 18 Oktober 2025M

Daerah Temburong

Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong
 Khamis, 1 Jamadilawal 1447H
 / 23 Oktober 2025M

Penganjur Bersama





IMBASAN MINGGUAN

ACARA Kayuhan Santai Berbasikal anjuran Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong merupakan salah satu platform menyatukan masyarakat, menggalakkan gaya hidup sihat serta mengukuhkan semangat kenegaraan. - Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan.



MINGGU Kesihatan UBD 2025 diharap akan dapat meningkatkan kesedaran dan menggalakkan langkah praktikal dalam menjaga kesejahteraan fizikal dan mental sepanjang kehidupan di universiti. - Foto : Nurdiyanah Rajami.



ANTARA peserta yang turut memeriahkan EmpowHer Run 2025 anjuran Perbadanan TAIB Group of Companies di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS), Bandar Seri Begawan, baru-baru ini. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SUMBANGAN berbentuk keperluan asasi telah dihulurkan semasa pembukaan cawangan Poomaan Grand Mart dengan tujuan untuk berbagi rezeki bersama penduduk sekitar yang layak menerimanya. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi.

DUA peserta Program Literasi Penerangan Belia Daerah Belait ketika mendengarkan penjelasan mengenai pameran yang terdapat di Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



PELITA BRUNEI



TATACARA PENYEMPURNAAN JENAZAH BERLANDASKAN SYARIAT ISLAM



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

sijil penyertaan kepada para peserta.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Takaful Brunei Darussalam dan Anak-anak Syarikatnya, Takaful Brunei Am (TBA) dan Takaful Brunei Keluarga (TBK), Awang Haji Shahrudin bin Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya; pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari JHEM dan Syarikat Takaful Brunei Sdn. Bhd. serta AJKT Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Abdul 'Aziz bin Haji Abdullah, diikuti dengan ucapan oleh Penguasa Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh, selaku Pengerusi Majlis.

Sejurus selesai acara penyampaian sijil penyertaan dan cenderamata penghargaan, Doa Selamat dibacakan bagi memberkati majlis.

Dengan penganjuran kursus seumpama berkenaan adalah dihasratkan agar para peserta memperoleh pengetahuan yang bermanfaat melalui pendedahan menyeluruh mengenai penyempurnaan jenazah yang betul berlandaskan syariat Islam, di samping menambah kefahaman tentang kepentingan memelihara adab serta tatacara penyempurnaan jenazah dengan penuh rasa hormat dan tanggungjawab.

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama
Foto : Ihsan Muhammad Aisar Sabli

KIARONG, Sabtu, 27 September. - Seramai 256 pegawai dan kakitangan Syarikat Takaful Brunei Sdn. Bhd. menamatkan Kursus Penyempurnaan Jenazah yang diadakan secara berkala dalam tempoh dua bulan, iaitu pada 14 dan 21 Ogos 2025 serta 11 dan 25 September 2025, bertempat di Dewan Serbaguna Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Kursus berkenaan dikendalikan oleh Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan

kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Syarikat Takaful Brunei Sdn. Bhd.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Kursus Penyempurnaan Jenazah bagi pegawai dan kakitangan Syarikat Takaful Brunei Sdn. Bhd. diadakan pada hari ini.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian



PARA pegawai dan kakitangan Syarikat Takaful Brunei Sdn. Bhd. yang menamatkan Kursus Penyempurnaan Jenazah.

Bersama membantu meningkatkan bekalan darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 September. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Rabu, 1 Oktober 2025 bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 4.00 petang, bertempat di Tingkat 8, Baiduri Community Space, Ibu Pejabat Bank Baiduri, Jalan Gadong.

Manakala pada Khamis, 2 Oktober 2025 bermula jam 10.00

pagi hingga 3.00 petang, bertempat di Lantai Bawah, Pusat Membeli-belah Mid Valley, Jalan Masjid Salambigar.

Sementara pada Sabtu, 4 Oktober 2025 bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang, bertempat di D'Sunlit Sdn. Bhd., Tapak Perindustrian Beribi.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu

meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

Pelbagai barang tegahan berjaya dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANGAR, Sabtu, 27 September. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya merampas sejumlah barang tegahan dalam dua kejadian berasingan yang berlaku sekitar jam 11.00 malam pada 26 September 2025 dan jam 8.00 pagi pada 27 September 2025 di Daerah Temburong.

Dalam kejadian pertama, hasil daripada risikan dan pemantauan anggota Balai Polis Bangar, sepasukan anggota berjaya mengesan dua buah kenderaan dalam keadaan mencurigakan di kawasan Batang Tuau.

Kedua-dua kenderaan berkenaan berjaya ditahan bersama dua lelaki warganegara tempatan berumur 25 tahun dan 26 tahun.

Pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan berkenaan membawa barang-barang tidak diisytiharkan, iaitu sebanyak 24 botol dan 53 tin minuman keras serta 80 karton rokok.

Sementara itu, dalam kejadian kedua pula, pihak PPDB menerima maklumat mengenai penemuan bungkusan kotak di kawasan Bangunan Padang dan Balapan Kompleks Sukan Temburong.

Pemeriksaan teliti menemukan dua kotak yang dipercayai mengandungi barang tegahan. Hasil pemeriksaan lanjut mengesahkan kotak-kotak berkenaan berisi 100 karton rokok.

Kesemua suspek serta barang rampasan daripada kedua-dua kejadian berkenaan telah diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Sehubungan dengan itu, PPDB menyeru orang ramai untuk terus memberikan kerjasama dengan menyalurkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan atau pengedaran barang tegahan.

Tindakan berterusan dan keprihatinan masyarakat amat penting dalam membantu pihak berkuasa memastikan keselamatan serta kesejahteraan negara sentiasa terpelihara.



ANTARA barang yang dirampas dan diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Talian Operator PPDB dalam proses penyelenggaraan

Siaran Akhbar dan Infografik : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan ini memaklumkan kepada orang ramai bahawa Talian Operator Ibu Pejabat PPDB, iaitu +673 2459500 kini sedang menjalani kerja-kerja penyelenggaraan dan hanya akan dimaklumkan kemudian apabila kerja-kerja berkenaan selesai dilaksanakan.

Sehubungan dengan ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk menggunakan talian +673 2459599 bagi sebarang urusan dan penyaluran.

MAKLUMAN

**TALIAN OPERATOR IBU PEJABAT
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**

2459500

**SEDANG MENJALANI KERJA-KERJA
PENYELENGGARAAN.**

**ORANG RAMAI DINASIHATKAN UNTUK
MENGUNAKAN TALIAN**

2459599

SEHINGGA KERJA-KERJA SELESAI.



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

HARI Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32 bagi Tahun 2025 diadakan pada hari ini, Isnin, 29 September 2025 Masihi bersamaan 7 Rabiulakhir 1447 Hijrah, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Keberdaya-tahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara'.

Terdahulu, Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas yang dianjurkan secara serentak di masjid-masjid utama di setiap daerah telah diadakan pada Sabtu, 27 September 2025 bermula jam 12.30 tengah hari.

Sambutan HPA Kali Ke-32 ini juga menampilkan pameran dan persidangan yang memberi tumpuan kepada Kecerdasan Buatan (AI) dan impaknya terhadap Perkhidmatan Awam. Tema pameran ini adalah 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan AI dalam Perkhidmatan Awam'.

Perkhidmatan Awam perlu berdaya tahan

Bagi mengukuhkan landskap Perkhidmatan Awam di negara ini kita sebagai penjawat awam perlu mempunyai sikap kedayatanaan yang tinggi, sentiasa proaktif, responsif, inovatif dan dinamik, di samping mempunyai sikap perpaduan dan kerjasama yang tinggi sesama warga Perkhidmatan Awam.

Ciri-ciri yang ada ini perlu sentiasa dipraktikkan oleh setiap penjawat awam di negara ini dalam memastikan kelangsungan pemberian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang awam bagi mencapai kesejahteraan negara.

Bagi mengekalkan produktiviti kerja yang tinggi dan cemerlang, penjawat awam perlu berpandangan jauh, agar sentiasa berada di hadapan dan sentiasa bersedia

menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan yang sentiasa berubah-ubah untuk memenuhi ekspektasi orang ramai.

Justeru itu, Perkhidmatan Awam perlulah sentiasa mempertingkatkan kredibiliti dan kompetensi setiap pegawai dan kakitangan dan mengekalkan amalan budaya berprestasi tinggi secara berterusan agar tampil berani dan bersedia bangkit dengan semangat yang jitu dalam menyahut cabaran-cabaran semasa.

Kerjasama erat dan bersepadu di antara agensi-agensi kerajaan dan juga agensi yang berkepentingan perlu diperkukuhkan lagi bagi memacu ekonomi negara agar tetap berdaya tahan dalam menangani dan meminimumkan kesan dan risiko sebarang krisis global termasuklah isu perubahan iklim yang sedang dihadapi pada masa ini.

Oleh yang demikian, asas utama yang perlu dimiliki setiap pegawai dan kakitangan ialah takwa dan ihsan yang perlu diperkukuhkan bagi tujuan menghasilkan tenaga kerja yang berdaya tahan serta sentiasa beriltizam dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai dan sektor swasta sebagai penyumbang kepada Wawasan Brunei 2035.

Tunaikan tanggungjawab dengan jujur dan berintegriti

Dalam Khutbah Jumaat yang lepas juga ada menyatakan mengenai sikap penjawat awam yang perlu ada dalam menaati tanggungjawab yang diamanahkan untuk kemajuan negara serta bagi kemaslahatan orang ramai. Sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat untuk memegang jawatan, kita hendaklah memikul dan menaati amanah dan tanggungjawab dengan jujur dan telus. Tugas yang diamanahkan perlu dilaksanakan dengan baik dan sempurna, bersungguh-sungguh, mempunyai rasa tanggungjawab, menunjukkan komitmen, tidak membebaskan orang lain dan menyiapkan tugas yang diberikan dengan amanah dan tepat pada waktunya. Dengan

mengamalkan etika kerja yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan setentunya akan dapat menjadikan negara kita lebih produktif untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Ke arah memastikan setiap perkhidmatan yang cemerlang dan bermutu tinggi, setiap ketua dan penjawat awam baik daripada agensi dalam kerajaan mahupun swasta hendaklah memiliki disiplin diri yang tinggi, bersih, cekap dan amanah juga berintegriti.

Integriti merupakan sifat jati diri, merangkumi keikhlasan, amanah, berpegang teguh kepada prinsip, jujur dan bermalu tinggi, bertanggungjawab, saksama, semangat setia kawan, penuh iltizam dan dedikasi dalam melaksanakan tugas.

Selain mempunyai semangat disiplin yang kental, berpandangan jauh ke hadapan, mempunyai komitmen yang telus, sedia berkorban masa, tenaga juga mempunyai sifat amanah dalam melaksanakan tugas perlu disemai dalam minda dan jiwa seorang penjawat awam.

Dalam melaksanakan tugas, kita sebagai penjawat awam perlu beriktikad untuk tidak terlibat atau mendekati segala perbuatan rasuah, pecah amanah termasuk penyalahgunaan kuasa demi kepentingan diri mahupun pihak-pihak tertentu. Sikap seperti ini boleh memburukkan pandangan orang ramai ke atas kredibiliti sebagai seorang penjawat awam, menjatuhkan imej sektor Perkhidmatan Awam serta menjejaskan nama baik kementerian / jabatan yang disegani.

Ini kerana sebaik sahaja kita diamanahkan dengan tugas dan tanggungjawab maka wajib disempurnakan secara berhemah dan di samping menjaga budaya yang dianjurkan dalam Islam dan berakhlak mulia.

Mendepani cabaran dunia IT dalam Perkhidmatan Awam

Sebagai penjawat awam, kebolehan dan kemampuan dalam

mengendalikan tugas adalah penting agar kita lebih kompeten dan berdaya saing dalam apa jua pekerjaan yang dibuat. Oleh itu, kita perlu bertindak pantas dengan mempelajari sesuatu yang baharu terutama sekali dalam dunia IT. Penggunaan AI sekarang menjadi keutamaan dan kita perlu merebut peluang ini juga dengan bertindak bijak menguasai AI agar memudahkan lagi pekerjaan kita.

Utamakan kesihatan mental dan kesejahteraan di tempat kerja

Sebagai penjawat awam, di samping melaksanakan tugas dengan titih dan cekap, kesihatan mental juga penting bagi setiap warga penjawat awam. Adalah penting untuk mengutamakan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan di tempat kerja. Justeru Kementerian Kesihatan telah mengungayahkan jerayawara bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pencegahan dan pengurusan kesihatan mental; membarigakan kepentingan penjagaan kesejahteraan diri; serta berhasrat untuk mengurangkan stigma, serta pandangan negatif terhadap kesihatan mental di tempat kerja khususnya dalam kalangan warga perkhidmatan awam. Inisiatif ini diharap akan dapat menjaga kesejahteraan orang ramai terutama sekali para petugas awam.

Penjawat awam khususnya di negeri ini yang diberi amanah dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas hendaklah sentiasa telus, tulus dan tiada konflik peribadi dalam mengutamakan kepentingan awam. Sehubungan itu, menitikberatkan etika kerja berlandaskan nilai-nilai murni dan kejujuran semasa menjalankan tugas yang diamanahkan adalah penting untuk kemajuan serta kesejahteraan negara kita.

Selamat Menyambut HPA Ke-32.



10+3
Eleventh
Media
Cooperation
Forum

议题一 Topic I

打造新动能、共享新机遇

Foster New Growth Drivers and Share
New Development Opportunities



刘洋

Mr. Liu Yang

环球时报英文版执行主编
Managing Editor of The Global Times
English Edition, China



陈汉光

Mr. Chan Aun Kuang

马来西亚《星洲日报》总编辑
Editor-in-Chief, Sin Chew Daily, Malaysia



戈戈

Mr. Ko Ko

缅甸叙事智库主席
缅甸仰光媒体集团董事长
Chair, Myanmar Narrative Think Tank
& Chairman, Yangon Media Group,
Myanmar



达鲁妮·迪拉邦蓬

Ms. Daranee Teerapappong

泰国《每日新闻》记者
News Reporter, Dailynews Thailand,
Thailand



安娜·乌伊

Ms. Anna Uy

菲律宾《马尼拉时报》
专栏作家
Columnist, The Manila Times, the
Philippines



Belt and Road Initiative memacu pembangunan bersama

Rencana dan Foto : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

KUNMING atau diberi jolokan sebagai 'Kota Musim Bunga' merupakan ibu kota Wilayah Yunnan, Republik Rakyat China yang memiliki sejumlah 46.55 juta penduduk. Sebuah kota yang dikelilingi oleh pergunungan yang tinggi ini mempunyai sejarah budaya turun-temurun yang sangat menakjubkan.

Pada tahun ini, Kunming telah mencatat satu sejarah di mana kota ini telah menjadi tuan rumah untuk 2025 Media Cooperation Forum on Belt and Road yang merupakan forum media antarabangsa yang dianjurkan oleh People's Daily.

Dengan bertemakan 'Shared Media Responsibility for Exchanges and Mutual Learning Among Civilizations', 2025 Media Cooperation Forum on Belt and Road ini menghimpunkan lebih 200 perwakilan media daripada 165 agensi media dari 87 buah negara.

Forum ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk membina hubungan antarabangsa tetapi mempromosikan kerjasama media dan memperluaskan rangkaian sekali gus berkembang menjadi platform dialog dan komunikasi untuk penggubal dasar, pengamal media dan usahawan.

Melalui forum ini, perwakilan media seluruh dunia berpeluang untuk bertukar-tukar fikiran serta pandangan di samping memperkukuhkan rangkaian dan kerjasama sekali gus komited dalam memajukan kerjasama Belt and Road Initiative untuk pembangunan bersama.

Pada perasmian 2025 Media Cooperation Forum on Belt and Road yang diadakan di

Lecture Hall, Haigeng Convention Centre, Vice Chairman of Standing Committee of National People's Congress, Republik Rakyat China, Zheng Jianbang dalam ucapan perasmian menekankan akan kepentingan Belt and Road Initiative yang telah membuahkan hasil yang memberangsangkan dan menjadi salah satu platform untuk mempererat kerjasama global.

Beliau seterusnya menambah, agensi-agensi media di seluruh dunia seharusnya komited untuk terus menanai semangat kebersamaan, belajar bersama, berdialog dan inklusif sesama masyarakat.

Dalam ucapannya tersebut, beliau menegaskan bahawa media di seluruh dunia harus memperkukuh kerjasama, menegakan semangat Silk Road, serta menegakan prinsip-prinsip kesaksamaan, pembelajaran bersama, dialog dan keterangkuman antara tamadun. Para pengamal media juga perlu berperanan sebagai pencatat dan menceritakan pencapaian pembangunan, terus memperkasa kerjasama Belt and Road serta membantu membina momentum yang meluas bagi kerjasama yang memberikan manfaat bersama.

Forum tersebut diteruskan lagi dengan penyampaian anugerah The Second Silk Road Global News untuk empat kategori iaitu Anugerah Liputan Terbaik, Fotografi Terbaik, Video Terbaik dan Inovasi Terbaik.

Penyertaan anugerah ini telah dibuka pada April 2024 dan telah menerima hampir 5,000 penyertaan dari 110 buah negara. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 58 hasil

karya daripada 37 buah negara diiktiraf.

Sebagai acara sampingan, turut diadakan The 11th ASEAN+3 Media Cooperation Forum yang merupakan satu siri interaktif yang meneroka pelbagai topik seperti peranan media dalam landskap antarabangsa yang semakin berkembang, peluang dan cabaran media dalam era Kecerdasan Buatan (AI), kerjasama serantau dan komunikasi global, dan lain-lain.

Bertemakan 'Increase Inter-connectivity For Common Development And Shared Benefits', The 11th ASEAN+3 Media Cooperation Forum ini juga menghimpunkan perwakilan-perwakilan media arus perdana, sarjana, pakar, dan pemimpin perniagaan dari Negara Anggota ASEAN bersama China, Republik Korea dan Jepun. Acara ini memberi tumpuan kepada kemampanan dan potensi mekanisme kerjasama ASEAN+3, dengan perbincangan mendalam mengenai topik seperti memperkukuh 'Asian Consciousness' dan menggunakan 'Oriental Wisdom' dengan lebih baik untuk menangani cabaran serantau dan global.

Para peserta forum yang disertai oleh lebih 100 perwakilan media berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan dalam konteks media dan maklumat serta berganding bahu dalam menangani cabaran penyebaran maklumat palsu dengan berkembangnya AI.

Forum ini diisikan dengan ucapan yang antara lain menekankan kepentingan keharmonian dan kesejahteraan serantau yang memfokuskan kepada hubungan terus antara rakyat dengan rakyat meliputi pelbagai bidang yang signifikan.

Ini juga termasuk meningkatkan kerjasama dan berkongsi nilai serta amalan

terbaik dalam perkongsian maklumat yang inklusif di samping memastikan ekosistem media yang responsif dan resilien seiring dengan perkembangan teknologi maklumat.

Forum diteruskan lagi dengan sesi perbincangan panel yang menumpukan kepada dua topik iaitu 'Foster New Growth Drivers and Share New Development Opportunities' dan 'Build Consensus and Enhance People-to-People Bonds in East Asia' yang menampilkan ahli-ahli panel dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Thailand, Republik Filipina, Republik Demokratik Rakyat Lao, Kemboja.

Antara yang diketengahkan pada perbincangan panel ini ialah kepentingan penggunaan AI dalam industri media di mana AI pada ketika ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat.

Turut ditekankan ialah penggunaan AI secara bertanggungjawab dalam penyampaian berita dan tidak menyalahgunakan AI yang mampu memberikan impak negatif kepada masyarakat.

Ahli-ahli panel sebulat suara komited untuk terus memperkukuhkan kerjasama, berkongsi maklumat yang memberikan manfaat untuk memacu pertumbuhan yang memberi impak positif sesama negara.

Forum antarabangsa ini telah berjaya diadakan sebanyak sembilan kali sejak ia mula diadakan pada tahun 2014 dan telah menarik minat lebih 1,000 perwakilan media antarabangsa daripada lebih 100 buah negara.





KOREA SELATAN MULAKAN PEMULIHAN RANGKAIAN KOMPUTER KERAJAAN SELEPAS KEBAKARAN PUSAT DATA

SEOUL, 28 Sept. - Kementerian Dalam Negeri Korea Selatan pada Ahad memaklumkan bahawa pihaknya mula memulihkan operasi rangkaian komputer pentadbiran di pusat data kerajaan secara beransur-ansur di bandar Daejeon selepas kebakaran akibat letupan bateri melumpuhkan sistem berkenaan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Kebakaran itu tercetus di Perkhidmatan Sumber Maklumat Negara di bandar Daejeon pada Jumaat selepas bateri litium-ion meletup di sebuah bilik komputer di tingkat lima.

Setakat 7 pagi, kerajaan telah memulihkan lebih 50 peratus peranti rangkaian di pusat berkenaan, menurut kementerian.

Daripada 767 peranti utama berkaitan keselamatan, sebanyak 99 peratus sudah kembali berfungsi, katanya.

Kementerian itu berkata ia akan mula mengoperasikan 551 sistem komputer yang tidak terjejas secara langsung oleh kebakaran secara beransur-ansur bagi menilai sama ada perkhidmatan dalam talian beroperasi seperti biasa.

Daripada keseluruhan 647 sistem rangkaian kerajaan di pusat berkenaan, 96 dipercayai rosak akibat kebakaran terbaharu itu, termasuk sistem pengenalan

mudah alih dan perkhidmatan pos dalam talian.

Daripada perkhidmatan yang terjejas, 436 adalah program awam manakala 211 ialah sistem intranet untuk pegawai kerajaan.

"Kerajaan sedang berusaha memulihkan sistem pentadbiran dengan segera.

"Kami akan mendedahkan perkembangan kerja pemulihan dan punca kebakaran ini secara telus," kata Ketua Ibu Pejabat Pengurusan Keselamatan Bencana, Kim Kwang-yong.

Pasukan bomba dan polis

merancang untuk menjalankan pemeriksaan di lokasi bagi menentukan punca kebakaran.

Pegawai kerajaan berkata letupan itu berlaku pada satu daripada bateri bekalan kuasa tanpa gangguan (UPS) ketika pekerja sedang memutuskan

sambungan daripada pelayan untuk dipindahkan ke tingkat bawah tanah.

Api berjaya dipadamkan sepenuhnya pada 6 petang Sabtu, kira-kira 22 jam selepas kejadian, menurut pihak berkuasa. - ©BERNAMA

EU setuju tingkat peranan Europol hadapi penyeludupan migran, perdagangan manusia

BRUSSELS, 27 Sept. - Parlimen Eropah dan negara anggota Kesatuan Eropah (EU) mencapai persetujuan sementara untuk memperkukuh peranan Europol dalam menyokong negara anggota membanteras penyeludupan migran dan perdagangan manusia, lapor Agensi Berita Emiriah (WAM).

Perjanjian itu memberi penekanan khusus kepada pengukuhan perkongsian maklumat antara negara anggota dan Europol untuk meningkatkan kerjasama di peringkat EU. Perjanjian sementara ini tertakluk kepada pengesahan oleh Majlis dan Parlimen Eropah.

Peraturan baharu itu meminda mandat Europol, iaitu agensi EU yang membantu badan penguatkuasaan undang-undang negara dalam memerangi jenayah terancang dan keganasan.

Setelah diterima pakai, peraturan baharu itu akan mengukuhkan obligasi perkongsian maklumat mengenai penyeludupan migran dan perdagangan manusia antara pihak berkuasa negara dan Europol.

Perjanjian itu juga menyatakan bahawa maklumat relevan mengenai penyeludupan migran dan perdagangan manusia daripada pegawai perhubungan imigresen, yang ditempatkan oleh negara anggota di negara ketiga, harus dikongsi dengan Europol.

Majlis dan Parlimen Eropah bersetuju yang Pusat Eropah Membasmi Penyeludupan Migran akan ditubuhkan sebagai struktur tetap dalam Europol. Pusat itu akan menyediakan sokongan strategik, operasi, dan teknikal kepada negara anggota untuk mencegah

dan memerangi penyeludupan migran dan perdagangan manusia. Ia juga akan membantu menyokong pengenalan mangsa perdagangan dan individu rentan yang lain.

Frontex, agensi sempadan EU dan Eurojust iaitu agensi Kesatuan Eropah untuk kerjasama keadilan jenayah akan menempatkan pegawai perhubungan ke pusat itu mengikut mandat mereka. Selain itu, Europol akan menerima tambahan 50 kakitangan dan .50 juta dana untuk melaksanakan tugas baharu itu.

Dianggarkan lebih daripada 90 peratus migran tanpa izin yang tiba di EU menggunakan perkhidmatan penyeludup, dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan rangkaian penyeludupan meraih antara .4.7 bilion hingga .6 bilion setiap tahun. - ©BERNAMA

Persatuan Nuklear Dunia saran Malaysia, negara baharu tetapkan dasar jelas urus sisa nuklear

MOSCOW, 27 Sept. - Persatuan Nuklear Dunia menasihatkan negara yang berpotensi menjadi pendatang baharu dalam tenaga nuklear, termasuk Malaysia, supaya mempunyai strategi jelas dalam pengurusan sisa bagi memberikan ketelusan serta keyakinan kepada orang ramai.

Ketua Pengarahnya, Dr. Sama Bilbao y León berkata keputusan mengenai pengurusan sisa nuklear perlu dipandu dasar jangka panjang yang jelas dan telus serta mengambil kira penerimaan awam.

"Jika kita putuskan untuk mengitar semula (sisa nuklear), atau jika kita putuskan untuk menyimpannya dalam jangka panjang, orang ramai di Malaysia, misalnya, perlu tahu dengan jelas apakah dasar yang ditetapkan," katanya pada sidang media sempena Minggu Atom Sedunia di sini, pada Jumaat.

Pada 6 Ogos lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata Malaysia sedang menimbangkan tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada campuran tenaga jangka panjang, namun keputusan muktamad sama ada untuk membangunkan loji kuasa nuklear hanya akan dibuat selepas 2030.

Fadillah, yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata kerajaan belum komited untuk membina loji tenaga nuklear tetapi telah menubuhkan sebuah organisasi khusus bagi mengkaji semua rangka kerja yang perlu, termasuk perjanjian antarabangsa, peraturan domestik serta keperluan modal insan.

Sama berkata tenaga nuklear kekal sebagai satu-satunya sumber tenaga yang mampu mengurus semua sisa yang dihasilkannya dengan selamat.

"Tidak seperti bahan api fosil, sisa nuklear telah diuruskan secara betul melalui penyimpanan sementara, kitar semula atau pengurusan jangka panjang tanpa memberi kesan kepada alam sekitar.

Setiap gram bahan nuklear terpakai yang dihasilkan selama berdekad-dekad dipantau, diurus dengan selamat dan dipisahkan daripada alam sekitar. Jika industri bahan api fosil melakukan perkara sama, kita tidak perlu berhimpun setiap tahun bagi persidangan perubahan iklim PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)," katanya.

Beliau menegaskan sisa nuklear tidak harus dilihat sebagai masalah, sebaliknya sebagai sumber, dengan banyak negara kini meneroka peluang mengitar semula bahan api nuklear terpakai.

Sama, yang juga Presiden Universiti Nuklear Dunia, berkata tenaga nuklear wajar dinilai berdasarkan manfaat sosioekonomi jangka panjang dan bukannya hanya kos pembinaan.

Beliau berkata walaupun loji nuklear memerlukan pelaburan modal permulaan yang besar, ia mampu membekalkan tenaga elektrik dan haba bebas karbon sehingga satu abad, di samping mewujudkan pekerjaan serta memacu pembangunan industri.

"Perbincangan sering tertumpu kepada kos pembinaan loji nuklear... tetapi jika kita lihat keseluruhan kitaran perniagaan dalam tempoh 60, 80 malah 100 tahun bekalan tenaga bersih, pekerjaan stabil dan peluang sosioekonomi, nuklear menjadi sangat berdaya saing," katanya.

Merujuk Finland, beliau berkata harga elektrik di negara itu menurun 75 peratus selepas tenaga nuklear mula disalurkan ke grid, sekali gus membuktikan nilai ekonomi jangka panjang teknologi itu.

Beliau turut menekankan bahawa Bank Dunia dan bank pembangunan pelbagai hala lain, termasuk Bank Pembangunan Asia, telah mula mengkaji semula dasar pinjaman mereka bagi mempertimbangkan pembiayaan projek nuklear.

"Ini boleh menjadi pengubah keadaan untuk negara seperti Malaysia yang sedang meneroka nuklear sebagai sebahagian daripada peralihan tenaga.

"Ia bukan sekadar pelaburan berbilion ringgit dalam infrastruktur, tetapi tentang mewujudkan peluang untuk generasi profesional dan industri akan datang," katanya.

Minggu Atom Sedunia, perhimpunan terbesar dunia mengenai nuklear dan industri berkaitan, bermula di sini pada Khamis dengan menarik penyertaan delegasi dari lebih 100 negara, termasuk Malaysia, bagi membincangkan masa depan tenaga nuklear di tengah-tengah permintaan global yang semakin meningkat. - ©BERNAMA

Musim menangkap ketam mula popular di Republik Rakyat China

SEORANG penternak ketam menunjukkan ketam yang baru ditangkap dari Tasik Yangcheng di Suzhou, Wilayah Jiangsu di timur Republik Rakyat China, pada 26 September 2025.



NANJING, 27 Sept. - Musim menangkap ketam air tawar bagi Republik Rakyat China yang merupakan makanan istimewa musim luruh yang sangat dicari, telah pun bermula pada hari Jumaat di Tasik Yangcheng di Suzhou, timur Wilayah Jiangsu.

Kira-kira 10,350 tan ketam bulu yang enak dan mahal dijangka dituai tahun ini, menurut persatuan industri ketam air tawar perbandaran Tasik Yangcheng.

Sebanyak 5,577 isi rumah yang terlibat dalam penternakan ketam dan 1,022 perusahaan jualan adalah ahli persatuan tersebut, dengan maklumat mengenai produk ketam mereka boleh diakses sepenuhnya oleh orang ramai.

Suzhou telah mengintegrasikan aktiviti merasai ketam berbulu dengan pelancongan tempatan, melancarkan laluan bertema dan satu siri aktiviti musim luruh, yang menurut pihak berkuasa dijangka merangsang pertumbuhan baharu dalam penggunaan pelancongan kebudayaan.

Orang Cina mempunyai adat

memakan ketam pada musim luruh apabila daging berada pada tahap terbaik. Tradisi ini boleh dikesan kembali semasa Dinasti Han (202 B.C. hingga 220 A.D.).

Ketam dianggap bertuah kerana perkataan Cina untuk ketam ialah 'xie', yang mempunyai sebutan yang sama dengan perkataan Cina untuk 'terima kasih'. - ©XINHUA

MEMUPUK SEMANGAT KEHARMONIAN, SILATURAHIM MELALUI KEJOHANAN BADMINTON

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 September. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) malam tadi mengadakan Peringkat Akhir Kejohanan Badminton sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 bertempat di Dewan Pusat Belia, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Kejohanan yang disertai seramai 103 peserta lelaki dan 34 peserta perempuan berkenaan merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan untuk menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru NBD Ke-35 Tahun 2025.

Penyertaan bagi kejohanan berkenaan telah dibukakan kepada pegawai, kakitangan dan tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan KHEU termasuk Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji

Hassanal Bolkiah.

Antara tujuan kejohanan berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan daya saing dan penglibatan aktif warga Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Selain itu, kejohanan berkenaan diharap dapat memupuk semangat keharmonian dan silaturahmi antara kakitangan kedua-dua kementerian.

Kejohanan Badminton berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Kluster 2 juara Kejohanan Futsal Hari Guru Ke-35

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Ahad, 28 September. - Pasukan Kluster 2 membuktikan kehebatannya sekali gus menggondol juara setelah menewaskan Pasukan Guru Ugama Rendah Kerajaan dengan keputusan jaringan berakhir 2 - 1.

Perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini, juga menyaksikan Pasukan Kluster 3 menduduki tempat ketiga.

Para pemenang pertandingan menerima piala dan sijil penyertaan yang ditaja oleh Imagine Sendirian Berhad.

Kejohanan Futsal bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 ini juga menyaksikan Awang Md. Fauzi bin Nayan dari Kluster 2 dipilih sebagai Pemain Terbaik sementara pemenang Penjaring Terbanyak diberikan kepada Abang Qusrin bin Abang Kamaluddin dari Pasukan Guru Ugama Rendah Kerajaan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Sebanyak 24 pasukan telah menyertai kejohanan berkenaan yang merupakan anjuran Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025.

Penyertaan bagi kejohanan ini telah dibukakan kepada pegawai, kakitangan dan tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) termasuk Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kejohanan tersebut merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan untuk menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025.

Tujuan kejohanan ini antaranya adalah untuk meningkatkan daya saing dan penglibatan aktif warga Kementerian Pendidikan dan KHEU. Selain itu, kejohanan ini diharap dapat memupuk semangat keharmonian dan silaturahmi antara warga bagi kedua-dua kementerian tersebut.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang.

Sukan Borneo 2025 : Atlet NBD raih 2 pingat perak, 1 pingat gangsa

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Borneo Ke-6

KUCHING, Sabtu, 27 September. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) meneruskan lagi saingannya dalam temasya Sukan Borneo Ke-6 di Kuching, Sarawak dengan berjaya meraih dua pingat perak dan satu pingat gangsa pada hari ini.

Atlet Olahraga, Kasyful Asymawi Haji Khairul Arifin berjaya meraih pingat gangsa menerusi Acara Men 800 meter.

Sementara, menerusi Sukan Akuatik - Renang bagi Acara 4x100 Men's Freestyle Relay, atlet NBD yang diwakili oleh Joel Ling Thai Yu, Nur Haziq Samil, Dannel

Chan Zhi Zhen dan Dylan Wong Wei Shen berhasil mengutip satu

pingat perak.

Manakala Atlet NBD yang diwakili oleh Bahrusah Haji Rashid (Sauh), Mohamad Noor Rizal Haji Omar Ali, Mohammad

Azami Md. Ali, Mahady Ismail, Ruzaidi Katong, Mohd. Nurfadzillah Haji Mohd. Yussof, Mohammad Shahrizam Haji Tamit, Shahrulizam Roselan dan Abdul Halim Mohd.

Ibrahim menerusi sukan Tarik Tali bagi Acara 640 kilogram berjaya meraih pingat perak di Padang D, Petra Jaya.

Setakat ini, NBD telah meraih 14 pingat iaitu dua pingat emas, lima pingat perak dan tujuh pingat gangsa.

KONTINJEN Negara Brunei Darussalam meraih dua pingat perak dan satu pingat gangsa melalui Acara Men 800 meter, Sukan Akuatik - Renang 4x100 Men's Freestyle Relay dan Tarik Tali bagi Acara 640 kilogram.





ePaper Pelita Brunei



LEBIH 7,000 MERIAHKAN BN ON THE MOVE 2025

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet semasa hadir pada pelancaran Kejohanan BN on the Move 2025 di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 September. - Kementerian Kesihatan hari ini merasmikan pelancaran Kejohanan BN on the Move 2025 di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara.

Kempen kesihatan seluruh negara yang berlangsung selama lima bulan ini bertujuan menangani gaya hidup sedentari serta menggalakkan penjagaan kesihatan secara pencegahan.

Hadir menyertai pelancaran tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Acara pelancaran menampilkan dua zon aktiviti utama iaitu walkaton sejauh 2.5 kilometer dan sesi senamrobik yang melibatkan penyertaan aktif daripada orang ramai.

Kejohanan tahun ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan BN on the Move yang telah dianjurkan secara tahunan sejak tahun 2022.

Bagi tahun ini, lebih 7,000 penyertaan telah direkodkan.

Para peserta juga berpeluang menyertai cabutan bertuah dengan melengkapkan misi kesihatan harian setiap bulan.

Setiap misi direka untuk membantu membina gaya hidup yang sihat dengan konsisten.

Antara kategori misi yang ditetapkan termasuk mencatat jumlah langkah sepanjang bulan dengan mencapai sasaran 31,500 langkah, 63,000 langkah dan 94,500

langkah.

Selain itu, peserta digalakkan kekal aktif dengan melengkapkan masa bersenam sepanjang bulan sama ada 90 minit, 180 minit, 270 minit ataupun 360 minit.

Turut diperkenalkan ialah misi hidrasi dengan mengamalkan pengambilan air secara konsisten dan mencatat pengambilan air selama tujuh hari.

Bagi aspek rehat pula, peserta digalakkan untuk mendapatkan tidur yang mencukupi setiap hari dengan merekod waktu tidur selama tujuh hari.

Di samping itu, kategori turut merangkumi aspek pemakanan dengan memberi perhatian terhadap pengambilan makanan harian yang sihat seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta kategori daftar masuk dan senaman yang menggalakkan peserta untuk mendaftar masuk di mana-mana tempat dan kawasan dengan melengkapkan aktiviti fizikal selama 30 minit.

Kejohanan tahun ini memperkenalkan cabutan bertuah bulanan dengan hadiah-hadiah istimewa daripada penaja-penaja utama dan rakan-rakan.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengambil bahagian dengan memuat turun aplikasi BruHealth secara percuma dan membuat pendaftaran bagi menyertai Kejohanan BN on the Move 2025.

Kementerian Kesihatan juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penaja-penaja utama dan rakan-rakan kongsi di atas sokongan dan kerjasama dalam memainkan peranan penting bagi menjayakan kempen ini.

IPT juara Kejohanan Bola Jaring Hari Guru Ke-35



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pemenang Kejohanan Bola Jaring bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Ahad, 28 September. - Kejohanan Bola Jaring bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 menyaksikan Pasukan IPT berjaya mempertahankan kejuaraannya setelah menewaskan Pasukan JPI dengan keputusan jaringan

28 - 20, pada peringkat akhir kejohanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna (MPH), Kompleks Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Manakala pada perlawanan penentuan merebut tempat ketiga pula, Pasukan Rogue berjaya

mengatasi Pasukan Kluster 2 dengan kiraan jaringan 28 - 14.

Dengan keputusan tersebut, juara berjaya membawa pulang piala iringan, pingat emas dan Piala Pusingan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap

(Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Pada kejohanan tersebut, Dayang Nur Amal Batriisyia@Syasya binti Mohammad dari IPT diumumkan sebagai Pemain Terbaik 'Best Defender' manakala Dayang Johana binti Jamil juga dari IPT dipilih sebagai 'Best Attacker'.

Sementara itu, Dayangku Nur Ajaimah binti Pengiran Ajak dari JPI pula dipilih sebagai 'Best Shooter' dengan jumlah jaringan sebanyak 85.

Kejohanan Bola Jaring kelolaan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ini merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan untuk menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025.

Sebanyak 12 pasukan telah menyertai kejohanan pada tahun ini, yang telah dibukakan kepada

pegawai, kakitangan dan tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan KHEU termasuk Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Antara tujuan kejohanan ini adalah untuk meningkatkan daya saing dan penglibatan aktif warga Kementerian Pendidikan dan KHEU. Selain itu, kejohanan ini diharapkan dapat memupuk semangat keharmonian dan silaturahim antara kakitangan kedua kementerian.

Kejohanan Bola Jaring ini dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERKHIDMATAN AWAM YANG CEKAP, BERKESAN : ASAS KEPADA KESEJAHTERAAN RAKYAT, KESTABILAN NEGARA